

**Jilid I
Bil. 8**



**Hari Jumaat
14hb Disember, 1990**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991 [Ruangan 1101]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1991 [Ruangan 1148]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH AROW (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ WAN MOHD. HANAFIAH BIN WAN MOHD. SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 14hb Disember, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1991

Bacaan Kali Yang Kedua

4.04 ptg.

Menteri Kewangan (Dato' Paduka Daim Zainuddin): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-Undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa sepanjang tahun ini ekonomi Malaysia telah berkembang dengan kukuh. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar bagi tahun 1990 dijangka 9.5 peratus. Kadar ini adalah sangat tinggi dan merupakan pertumbuhan yang paling pesat sejak tahun 1976.

Langkah-langkah berhati-hati yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 1985 membolehkan ekonomi Malaysia mengambil kesempatan daripada kedudukan ekonomi antarabangsa yang

menggalakkan. Langkah-langkah ini meliputi dasar-dasar fizikal dan kewangan yang menggalakkan pertumbuhan sektor swasta, perubahan syarat-syarat pelaburan modal asing serta pengurangan kerenah birokrasi. Hasilnya kegiatan ekonomi telah berkembang dengan pesat, iaitu pada kadar hampir 9 peratus setahun dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Di samping itu, inflasi juga berada di peringkat yang rendah dan terkawal. Ini merupakan satu prestasi yang membanggakan kita semua. Tidak banyak negara yang telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat serta kadar inflasi yang rendah seperti Malaysia.

Pendapatan per kapita dijangka meningkat kepada \$6,150 dari \$5,558 dalam tahun 1989. Peningkatan pendapatan yang berterusan sejak tahun 1987 adalah satu prestasi yang membanggakan. Pertumbuhan pesat ekonomi negara telah membawa faedah kepada setiap golongan rakyat. Penduduk di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar, menikmati faedah darinya. Kadar pengangguran pula terus berkurangan dan ianya tidak merupakan masalah yang serius lagi. Bahkan sekarang ini kita menghadapi kekurangan tenaga kerja, bukan sahaja di sektor ladang dan pembinaan, malahan juga di sektor perkilangan. Dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat serta perhatian yang lebih kepada latihan kemahiran untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang, dan maklumat pasaran buruh yang lebih sempurna, kedudukan gunatenaga akan bertambah baik.

Kita perlu meneruskan usaha untuk mengekalkan kejayaan yang dicapai semenjak empat tahun yang lepas. Malah kita perlu menguatkan azam untuk meningkatkan lagi tahap kejayaan ini. Perubahan-perubahan pesat yang sedang berlaku di Eropah dan Amerika Syarikat, Lingkungan Pasifik dan juga di kalangan negara-negara jiran kita, akan memberi kesan ketara ke atas pertumbuhan dan prospek ekonomi negara. Kita perlu bersedia dengan dasar serta strategi yang sesuai bagi mengambil kesempatan sepenuhnya peluang-peluang yang timbul daripada perkembangan ini. Ini akan membolehkan kita mengekalkan kadar pertumbuhan pada tahap yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan lanjut mengenai perkembangan ekonomi negara.

PRESTASI EKONOMI 1990

Semua sektor ekonomi dijangka menyumbang kepada pertumbuhan yang pesat dalam tahun 1990. Sumber-sumber dalam negeri, khususnya pelaburan dan penggunaan swasta, telah membantu ekonomi negara berkembang dalam suasana sektor eksport yang kurang menggalakkan.

Sektor perkilangan sekali lagi menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan keluaran. Keluaran sektor ini dijangka meningkat 15.8 peratus berbanding dengan 12 peratus dalam tahun 1989. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka merosot sedikit disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran kayu gergaji yang kecil dan pengeluaran getah yang berkurangan. Sektor ini dijangka tumbuh pada kadar 3.7 peratus berbanding dengan 5.8 peratus pada tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, sektor pembinaan berkembang dengan kukuh pada kadar 15 peratus, berikutan pelaksanaan projek-projek infrastruktur oleh Kerajaan dan projek-projek perumahan oleh sektor swasta.

Kadar inflasi kita adalah terkawal. Bagi tempoh sepuluh bulan tahun ini, Angkatunjuk Harga Pengguna atau AHP meningkat 2.2 peratus berbanding dengan 2.4 peratus bagi tempoh yang sama dalam tahun 1989. Walau bagaimanapun, saya menjangka tekanan inflasi akan meningkat sedikit dalam tempoh dua bulan terakhir tahun ini disebabkan oleh kenaikan kecil dalam harga petroleum. Oleh itu, AHP dianggar meningkat 3.2 peratus untuk keseluruhan tahun ini. Walau bagaimanapun, wajaran yang digunakan dalam AHP ini masih belum disemak semula sejak tahun 1980. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa tindakan telah diambil untuk mengkaji semula wajaran yang digunakan dalam AHP, untuk memastikan supaya wajaran-wajaran ini adalah kemaskini dan menunjukkan perubahan-perubahan harga semasa dengan lebih tepat.

Akibat daripada kenaikan harga petroleum mentah dunia, kita terpaksa menaikkan harga runcit barangan petroleum dalam bulan September dan Oktober. Walau bagaimanapun, kenaikan ini adalah rendah dan tidak merupakan peningkatan sepenuhnya harga petroleum di pasaran dunia. Sebahagian besar daripada kenaikan ini telah diserap oleh Kerajaan dan tidak dikenakan ke atas pengguna. Beban kepada Kerajaan dari segi kehilangan hasil serta subsidi ke atas barangan petroleum dijangka berjumlah \$407 juta bagi empat bulan terakhir tahun ini. Kita sepatutnya membenarkan harga petroleum dalam negeri menggambarkan tahap harga antarabangsa serta mengurangkan subsidi pengguna, tetapi untuk kepentingan orang ramai, Kerajaan, buat sementara waktu, memutuskan menyerap sebahagian daripada kenaikan harga barangan petroleum. Berikutan dari langkah ini, kenaikan harga dalam negeri telah dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa kita tidak bercadang meneruskan subsidi ke atas barang-barang pengguna. Subsidi akan membebaskan Kerajaan dan akhirnya, rakyat juga yang akan menanggung kesanya kerana Kerajaan terpaksa mencari sumber untuk membiayai perbelanjaan tersebut atau mengurangkan peruntukan bagi projek-projek pembangunan. Subsidi ke atas barangan petroleum hanya diberi disebabkan oleh pergolakan di kawasan Teluk dan kita menjangkakan keadaan ini tidak akan berlarutan. Rakyat Malaysia hendaklah menerima paras harga pasaran minyak dunia dan tidak seharusnya berharap bahawa subsidi akan terus diberikan oleh Kerajaan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita adalah pengeksport bersih petroleum mentah. Oleh itu, kenaikan harga petroleum mentah memberi faedah kepada kita dari segi peningkatan pendapatan eksport serta hasil Kerajaan yang lebih tinggi. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1990 diramalkan meningkat sebanyak 7.7 peratus kepada \$27,219 juta berbanding dengan \$25,273 juta dalam tahun 1989. Tambahan hasil ini disebabkan oleh kenaikan harga petroleum mentah serta kegiatan ekonomi yang lebih pesat.

Berikutan prestasi hasil yang meggalakkan, kedudukan Kewangan Kerajaan telah bertambah baik. Oleh itu, akaun semasa Kerajaan Persekutuan dijangka menunjukkan lebihan sebanyak \$1,226 juta berbanding dengan \$441 juta dalam tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun harga petroleum mentah telah meningkat, harga komoditi lain berada pada paras yang rendah. Harga purata getah RSSI dijangka pada paras 230 sen sekilo berbanding dengan 262 sen sekilo pada tahun 1989, manakala harga minyak kelapa sawit berada pada paras \$670 setan metrik bagi tahun 1990 berbanding dengan \$822 setan metrik dalam tahun

1989. Harga timah juga rendah iaitu \$16.50 sekilo berbanding dengan \$23 sekilo pada tahun 1989 disebabkan jumlah stok yang tinggi.

Eksport barang-barang perkilangan negara berkembang sebanyak 28 peratus dan kini merupakan 59 peratus daripada jumlah eksport negara berbanding dengan 22 peratus pada tahun 1980. Perkembangan ini amat menggalakkan dan menunjukkan daya saing sektor eksport kita di pasaran antarabangsa.

Walaupun pendapatan eksport dari petroleum meningkat dan prestasi eksport barang-barang perkilangan menggalakkan, lebihan imbalan perdagangan pada tahun ini merosot kepada \$6.7 ribu juta daripada \$10.6 ribu juta dalam tahun 1989. Berikutan lebihan imbalan perdagangan yang berkurangan, serta defisit besar dalam akaun perkhidmatan yang dianggarkan sebanyak \$10.2 ribu juta, akaun semasa Imbalan Pembayaran menunjukkan defisit yang lebih tinggi, sebanyak \$3.3 ribu juta berbanding dengan defisit sebanyak \$473 juta pada tahun lepas.

Lebihan yang berkurangan dalam akaun perdagangan adalah disebabkan oleh peningkatan import yang lebih tinggi berbanding dengan eksport. Import dijangka berkembang pada kadar 27 peratus dalam tahun 1990 berbanding dengan pertumbuhan eksport sebanyak 16.7 peratus. Import telah meningkat begitu tinggi sepanjang tiga tahun yang lalu bagi memenuhi keperluan sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan yang telah berkembang dengan pesat. Walau bagaimanapun, dalam jangka panjang, import ini akan menyumbangkan kepada eksport yang lebih tinggi, khususnya eksport barang-barang perkilangan. Ini akan mengukuhkan lagi dagangan dan membantu memulihkan semula kedudukan lebihan akaun semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan berusaha dengan gigih menggalakkan sektor pelancongan, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan udara dan peluang-peluang pembelajaran dalam negeri, defisit akaun perkhidmatan masih besar. Defisit dalam akaun perkhidmatan ini telah berlanjutan sekian lama disebabkan oleh corak perkembangan ekonomi negara sebelum ini. Kita perlu mengambil tindakan untuk terus mengawal saiz defisit ini. Langkah-langkah yang lebih bersungguh-sungguh perlu dilaksanakan untuk menggalakkan eksport perkhidmatan. Dalam hubungan ini, saya ingin melihat sektor swasta memainkan peranan lebih aktif. Kita harus mempergiatkan usaha untuk memperbaiki pendapatan dari pelancongan, perkapalan, pendidikan, kesihatan, pembinaan dan khidmat rundingan.

Walau bagaimanapun, akaun modal dalam imbalan pembayaran adalah teguh disebabkan oleh aliran masuk pelaburan korporat yang tinggi. Ini membolehkan keseluruhan imbalan pembayaran mencatat lebihan. Rizab luar negara dijangka mencapai \$26 ribu juta yang berupaya untuk membiayai empat bulan import. Kedudukan ini adalah memuaskan.

MENGURUS EKONOMI YANG BERJAYA

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh adalah disebabkan terutamanya oleh peranan sektor swasta yang lebih besar dan aktif. Pelaburan swasta telah meningkat dengan pesat. Pertumbuhan sebenar pelaburan swasta melebihi 20 peratus dalam tahun 1988 dan 30 peratus bagi tahun 1989. Untuk tahun 1990 saya menjangka pelaburan swasta meningkat pada kadar sebenar sebanyak 25 peratus. Ini merupakan kadar pelaburan yang sangat tinggi serta membuktikan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia.

Pelabur asing dan tempatan telah sama-sama menyumbang kepada peningkatan pelaburan ini. Pelaburan dalam negeri telah meningkat khususnya dengan galakan serta sokongan yang diberikan oleh Kerajaan kepada industri kecil dan sederhana, industri berasaskan kayu-kayan dan industri pelancongan. Saya gembira pelabur-pelabur tempatan telah mengambil kesempatan dari peluang-peluang yang terdapat dalam ekonomi negara. Pertumbuhan pelaburan asing adalah menggalakkan. Ini adalah berikutan daripada iklim pelaburan yang baik, infrastruktur yang memuaskan, kedudukan ekonomi negara yang lebih kompetitif dan kestabilan politik. Untuk tempoh sepuluh bulan pertama tahun 1990 sejumlah \$25 ribu juta cadangan pelaburan swasta dalam bidang perkilangan telah diluluskan berbanding dengan \$11 ribu juta bagi tempoh yang sama tahun lepas. Kebanyakan daripada pelaburan baru ini datang dari Jepun dan negara-negara Asia yang dinamis, iaitu Korea Selatan dan Singapura, serta Taiwan.

Hasil pertumbuhan yang pesat, pelaburan swasta kini menyumbangkan 23 peratus daripada jumlah Keluaran Negara Kasar (KNK), berbanding dengan 15 peratus dalam tahun 1986. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan menjadikan sektor swasta penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dasar ini akan diteruskan dan langkah-langkah akan diambil untuk menggalakkan pelaburan swasta kekal di tahap yang tinggi.

Kerajaan menyedari kebimbangan pelabur-pelabur mengenai masalah infrastruktur, kekurangan buruh dan tenaga mahir serta peningkatan kos yang mungkin menghakis daya-saing negara. Setengah daripada masalah ini timbul bukan kerana kurang perancangan, tetapi kerana rancangan pembangunan negara telah terjejas oleh kemelesetan ekonomi dan pengurangan peruntukan pembangunan akibat daripada kedudukan kewangan Kerajaan yang kurang

memuaskan ketika itu. Jawatankuasa Kabinet mengenai Infrastruktur telah memperakukan langkah-langkah konkrit untuk mengatasi masalah ini. Ini termasuk tambahan peruntukan untuk projek-projek infrastruktur dan pengawasan rapi bagi mengelakkan kelewatan dalam pelaksanaannya. Beberapa projek untuk memperbaiki jalanraya dan landasan keretapi telahpun bermula, manakala beberapa projek lagi sedang dirancang untuk dilaksanakan dengan segera. Dengan menswastakan Jabatan Telekom dan memperbadankan Lembaga Letrik Negara, agensi-agensi ini akan menjadi lebih cekap dan perkhidmatan mereka kepada pelanggan-pelanggan akan bertambah baik. Kemudahan pelabuhan juga sedang diperbaiki terutama sekali dengan penswastaaan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan.

Program penswastaaan kita adalah sangat berjaya dan Kerajaan akan terus melaksanakan dasar ini. Kejayaan kita dalam bidang ini telah menjadi sanjungan banyak negara. Saya harap agensi-agensi Kerajaan akan berusaha dengan gigih mempercepatkan proses penswastaaan dan tidak melenghakannya. Pihak pengurusan juga hendaklah meningkatkan prestasi supaya projek-projek penswastaaan akan mencapai kejayaan. Jika tidak, penswastaaan tidak membawa apa-apa makna.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang serius kekurangan tenaga kerja mahir yang telah menjejaskan beberapa industri di negara kita. Satu kajian menyeluruh ke atas perkara ini telah disiapkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan dan Kerajaan sedang mengambil langkah untuk melaksanakan perakuan-perakuan Jawatankuasa ini. Pada masa yang sama perubahan sedang juga dibuat ke atas kurikulum pendidikan untuk memastikan supaya institusi-institusi pengajian tinggi menghasilkan kemahiran-kemahiran yang sesuai yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Kerajaan akan memberi keutamaan untuk melatih lebih ramai jurutera dan kakitangan teknikal bagi memenuhi keperluan yang bertambah. Adalah dijangkakan bahawa negara kita akan mengeluarkan lebih daripada 2,500 orang jurutera pada tahun hadapan. Jumlah ini akan meningkat kepada 4,500 pada tahun 1995. Kita memerlukan lebih ramai jurutera untuk memenuhi keperluan sektor industri yang berkembang dengan pesat. Selaras dengan keperluan ini Kerajaan akan melipatgandakan usaha untuk menyediakan kemudahan latihan bagi menambah bilangan jurutera dan kakitangan teknikal di masa hadapan.

Satu Rancangan Tindakan Teknologi yang menyeluruh telah dirancang dan diterima oleh Kerajaan untuk dilaksanakan. Usaha membaiki tahap teknologi adalah amat penting bagi meningkatkan daya-saing negara. Walau bagaimanapun, peruntukan perbelanjaan ke atas penyelidikan dan pembangunan atau dengan izin, R & D pada ketika ini adalah rendah, iaitu kurang dari 1 peratus dari KNK. Sumbangan sektor swasta kepada R & D amat kecil dan tidak memuaskan. Saya ingin menegaskan bahawa pihak Kerajaan bersedia meningkatkan sumbangan kepada R & D dalam segenap bidang. Tetapi sektor swasta juga haruslah bersedia menyumbang ke arah meningkatkan R & D di negara ini. Kita tidak patut selama-lamanya menjadi peminjam atau pengguna teknologi industri yang dimajukan oleh negara-negara lain. Kita hendaklah bersedia memajukan teknologi sendiri seperti yang telah kita lakukan dalam sektor perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kini adalah kukuh hasil daripada penyesuaian dasar yang kita buat serta kedudukan ringgit yang kompetitif. Walau bagaimanapun, kos upah

semakin meningkat. Permintaan untuk menaikkan kadar upah semakin bertambah. Adalah wajar kita membayar pekerja-pekerja selaras dengan daya pengeluarannya dan perkembangan dalam ekonomi. Kerajaan sentiasa megambilkira kepentingan dan kebajikan pekerja dan kita tidak akan membenarkan majikan mengeksploitasikan pekerja-pekerja. Majikan hendaklah bersedia membayar upah berasaskan sumbangan pekerja-pekerja. Walau bagaimanapun, kenaikan upah haruslah berasaskan produktiviti yang bertambah. Jika kita meningkatkan upah tetapi produktiviti berada di tahap yang lama, daya-saing akan hilang, manakala tekanan inflasi akan meningkat. Sekiranya ini berlaku, pekerja-pekerja dan negara akan rugi.

Saya ingin menggesa majikan dan pekerja-pekerja untuk memikirkan secara lebih serius cara-cara membaiki sistem penentuan upah. Sistem kita pada masa ini tidak fleksibel dan upah tidak dikaitkan dengan daya pengeluaran. Kemajuan ke arah merangkakan sistem penentuan upah yang fleksibel dan galakan diberi berasaskan kepada daya pengeluaran, masih belum memuaskan. Kita ingin melihat majikan dan pekerja-pekerja mencapai kata sepakat dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh kedudukan Perusahaan Awam Bukan Kerajaan atau PABK. Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat masalah kewangan yang dihadapi oleh PABK, khususnya dalam sektor industri berat beberapa tahun yang lalu. Beberapa PABK mengalami kerugian, tidak cekap operasinya serta terdedah kepada hutang yang besar. Seperti yang disebutkan dalam Ucapan Belanjawan saya dalam tahun 1988, penglibatan Kerajaan dalam beberapa syarikat yang besar dalam bidang industri besar khususnya perusahaan gas, keluli dan simen adalah tinggi dan berjumlah \$5.4 ribu juta.

Kita telah melaksanakan satu program yang berkesan untuk memulihkan perusahaan-perusahaan ini, khususnya untuk membaiki mutu pengurusan. Saya sukacita melaporkan bahawa tindakan-tindakan ini telah menunjukkan kesan positif. Syarikat-syarikat dalam sektor industri berat telah disusun semula dan kecekapan dipertingkatkan. Hari ini banyak daripada perusahaan-perusahaan ini telah mendapat keuntungan dan memperbesarkan operasi mereka. Syarikat-syarikat ini juga telah memberi sumbangan kepada matlamat meluaskan asas industri serta mengadakan industri-industri sokongan dalam negeri.

STRATEGI BELANJAWAN 1991

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang timbul daripada kemelesetan ekonomi telahpun diatasi. Sekarang kita boleh melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan. Walau bagaimanapun, ekonomi yang berkembang juga menimbulkan masalah. Saya telahpun menyentuh beberapa masalah dan halangan yang sedang kita hadapi dan yang perlu diatasi bagi membantu ekonomi negara mengekalkan pertumbuhan pada tahap yang tinggi. Berdasarkan pada hakikat ini, Strategi Belanjawan 1991 adalah seperti berikut:

- (i) mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada kadar yang tinggi;
- (ii) mengawal kenaikan harga;
- (iii) membaiki imbalan pembayaran;
- (iv) meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta kemahiran tenaga kerja; dan
- (v) memupukkan sebuah masyarakat penyayang atau dengan izin, "a caring society".

MENERUSKAN PERTUMBUHAN

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang dua tahun yang lalu saya telah memperkenalkan beberapa perubahan cukai untuk menjadikan ekonomi negara lebih kompetitif dan menarik kepada para pelabur. Langkah-langkah ini telah membantu menarik jumlah pelaburan asing yang besar. Sebagai langkah tambahan, saya ingin mencadangkan beberapa lagi perubahan cukai.

Mengurangkan Cukai Pembangunan

Saya telah mencadangkan peman-
suan cukai pembangunan secara
beransur-ansur di dalam Belanjawan
1989. Cukai pembangunan telah
dikurangkan dari 5 peratus kepada 4
peratus di dalam Belanjawan Tahun
1990. Pada tahun taksiran 1991, saya
mencadangkan cukai pembangunan
dikurangkan lagi kepada 3 peratus.
Pengurangan ini adalah untuk individu
dan juga syarikat.

Menyusun Semula Struktur Cukai Pendapatan Individu

Di dalam Belanjawan tahun 1989,
saya telah mencadangkan penyusunan
semula sistem cukai secara berperingkat.
Salah satu daripada langkah-langkah
yang diambil ialah mengurangkan kadar
cukai syarikat dari 40 peratus kepada 35
peratus. Sebagai langkah selanjutnya
kepada penyusunan semula sistem
percukaian, saya ingin mencadangkan
perubahan-perubahan ke atas struktur
cukai pendapatan individu.

Mengurangkan Kadar Cukai Pen- dapatan Individu

Kali terakhir kadar cukai pendapatan
individu dikurangkan ialah di dalam
Belanjawan 1985. Untuk menggalakkan
dayausaha dan meningkatkan pro-
duktiviti, saya bercadang mengurangkan

beban cukai bagi semua pembayar cukai
seperti berikut:

- (i) kadar cukai terendah di-
kurangkan dari 5 peratus kepada
4 peratus dan kadar yang
tertinggi dari 40 peratus kepada
35 peratus. Kadar-kadar cukai
bagi kumpulan pendapatan
yang lain akan dikurangkan di
antara 1 hingga 3 peratus; dan
- (ii) cukai keuntungan berlebihan
sebanyak 5 peratus bagi pen-
dapatan bercukai yang melebihi
\$300,000 dihapuskan. (*Tepuk*)

Taksiran Berasingan Untuk Isteri

Pada masa ini, seseorang isteri
dibenarkan membuat taksiran ber-
asingan bagi pendapatan dari punca-
punca penggajiannya, pencen dan
profesional. Lain-lain pendapatan
seperti dividen, faedah, sewaan dan
pendapatan perniagaan adalah dicampur
dengan pendapatan suami dan dicukai
atas kadar cukai suami. Selaras dengan
objektif Kerajaan untuk menggalakkan
penyertaan yang lebih besar kaum
wanita dalam kegiatan ekonomi, saya
mencadangkan taksiran berasingan atas
cukai pendapatan diberikan untuk
meliputi semua jenis pendapatan.
(*Tepuk*)

Pelepasan Cukai Atas Isteri Dan Anak-Anak

Tuan Yang di-Pertua, saya juga
bercadang untuk menaikkan pelepasan
cukai ke atas seseorang isteri kepada
pembayar cukai dari \$2,000 kepada
\$3,000. (*Tepuk*) Selain dari itu, saya
bercadang untuk menyelaraskan
pelepasan cukai yang diberi kepada anak
pertama dan kedua dengan menaik-
kannya kepada \$800 seorang. Dengan
itu kesemua anak-anak dari yang
pertama hingga kelima akan menerima
pelepasan yang sama.

Pelepasan Cukai Atas Caruman KWSP Dan Premium Insurans

Pada masa ini, pelepasan cukai sebanyak \$3,500 diberi kepada pembayar cukai ke atas caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP dan premium insurans. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayar cukai itu berkahwin, jumlah pelepasan cukai adalah dibahagikan di antara pembayar cukai dan isteri atau suami. Saya mencadangkan pelepasan cukai sebanyak \$3,500 ke atas caruman KWSP dan premium insurans diberi kepada setiap pembayar cukai. Selain daripada memberi faedah kepada pembayar cukai, cadangan ini akan menggalakkan simpanan untuk membiayai pelaburan dan pembangunan.

Elaun Pelaburan Semula

Di samping menggalakkan pelaburan baru, Kerajaan juga menggalakkan firma-firma yang sedang beroperasi melabur semula untuk mengembangkan keupayaan pengeluaran. Selaras dengan objektif ini, Kerajaan telah menyediakan elaun pelaburan semula sebanyak 40 peratus kepada syarikat-syarikat membuat perbelanjaan modal ke atas loji dan mesin untuk menambahkan keupayaan pengeluaran. Elaun pelaburan semula ini, yang akan tamat pada tahun 1990, akan dilanjutkan lima tahun lagi.

Skop elaun pelaburan semula ini juga diperluaskan. Syarikat-syarikat yang sedang beroperasi yang membuat perbelanjaan modal untuk memoden dan mempertingkatkan proses pengeluaran dan syarikat-syarikat yang mempelbagaikan keluaran mereka juga layak untuk mendapat elaun pelaburan semula.

Galakan Kepada Pelaburan Di Luar Negeri

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan pelaburan dalam negeri adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Usaha-usaha perlulah juga dibuat untuk menggalakkan pelabur-pelabur kita melabur di luar negeri terutama sekali dalam bidang di mana kita mempunyai kepakaran, khususnya perkilangan berasaskan sumber dan pertanian. Langkah ini akan menjamin permintaan terhadap komoditi-komoditi utama kita dalam jangka masa panjang akan menguntungkan negara dari segi kemasukan pendapatan dividen dari luar negeri. Pada masa ini pelabur-pelabur Malaysia kurang berminat untuk melabur di luar negeri kerana kurang pengetahuan mengenai peluang-peluang pelaburan di negara-negara berkenaan dan oleh itu tidak berapa sedia mengambil risiko. Sebagai langkah untuk mendorong pelabur-pelabur Malaysia melabur di luar negeri, saya mencadangkan galakan-galakan seperti berikut:

- (i) pendapatan yang dibawa balik ke Malaysia hasil dari pelaburan luar negeri akan diberi potongan sebanyak 50 peratus. Dividen yang akan dibayar dari pendapatan ini akan juga dikecualikan dari cukai pendapatan. Galakan ini adalah bagi tempoh lima tahun selepas syarikat beroperasi dan mendapat keuntungan; dan
- (ii) perbelanjaan yang dibuat sebelum perniagaan dimulakan seperti kos penyelidikan pasaran dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Walaupun bagaimanapun, galakan-galakan ini dihadkan kepada pelaburan yang diluluskan oleh Kerajaan sahaja.

Penghapusan Duti Eksport Atas Getah Dan Lada

Tuan Yang di-Pertua, getah dan lada hitam dikenakan duti eksport sejak tahun 1950an. Saya mencadangkan supaya duti eksport atas komoditi-komoditi ini dihapuskan. (*Tepuk*) Oleh kerana kira-

kira 70 peratus getah dan hampir semua lada yang dikeluarkan di dalam negara adalah ditanam oleh pekebun kecil, langkah ini akan membantu membaiki pendapatan pekebun-pekebun kecil getah dan lada.

Penarikan Balik Skim Diskaun Getah

Dalam Belanjawan tahun 1958, Kerajaan telah memperkenalkan skim diskaun getah di mana syarikat-syarikat perkilangan diberi diskaun sebanyak 20 sen sekilogram untuk pembelian getah tempatan yang digunakan untuk mengilang barangan bagi pasaran eksport. Skim ini diperkenalkan bagi menambahkan penggunaan getah tempatan dan juga membolehkan syarikat-syarikat perkilangan tempatan bersaing dengan lebih berkesan di pasaran antarabangsa.

Dalam beberapa tahun yang lalu, Kerajaan telah memberi galakan-galakan untuk promosi eksport di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Industri getah telah pun mendapat faedah daripada galakan-galakan tersebut. Ia juga telah juga berkembang berikutan daripada permintaan luar negeri yang bertambah bagi barang-barang getah buatan Malaysia. Kerajaan yakin bahawa industri getah mampu untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Dengan itu saya mencadangkan supaya skim diskaun getah diberhentikan pada 1 Januari 1991.

Penghapusan Duti Eksport Atas Semua Galian

Sejak tahun 1985, hasil yang dikutip dari duti eksport atas timah adalah kecil. Oleh itu, saya mencadangkan supaya duti eksport atas komoditi ini dihapuskan. Selanjutnya, untuk menggalakkan carigali dan perlombongan bahan-bahan galian yang lain, saya mencadangkan supaya duti eksport atas semua galian dihapuskan.

Penarikan Balik Skim Rebat Timah

Berbeza dengan lain-lain komoditi, duti eksport atas timah dikenakan apabila bijih timah dihantar untuk dilebur di Pulau Pinang. Oleh yang demikian harga timah yang dibeli di pasaran tempatan adalah termasuk duti eksport. Untuk mengatasi keadaan ini dan bagi menggalakkan pemerosesan lebih banyak timah tempatan menjadi barangan siap, rebat \$700 setan bagi timah yang digunakan dalam negeri telah diperkenalkan pada tahun 1983. Walau bagaimanapun, dengan penghapusan duti eksport atas timah, rebat ini tidak bermakna lagi. Oleh itu saya mencadangkan supaya ia ditarikbalik.

Duti Eksport Atas Petroleum Mentah

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini syarikat-syarikat petroleum diberi pengecualian sebanyak 20 peratus sebagai minyak kos dalam pengiraan duti eksport yang perlu dibayar. Untuk menggalakkan syarikat-syarikat petroleum memajukan lebih banyak medan minyak, saya mencadangkan, mulai 1hb April 1991, minyak daripada kawasan-kawasan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran tahun 1985 diberi pengecualian atas minyak kos sebenar, tetapi tidak melebihi 50 peratus. Kaedah terperinci mengenai pengiraan ini akan diumumkan kemudian.

Penghapusan Duti-duti Import Atas Getah, Timah Dan Lada

Saya mencadangkan untuk menghapuskan duti import atas getah, timah dan lada bagi menggalakkan kemasukan bebas komoditi-komoditi ini ke Malaysia. Langkah ini diharap akan membangunkan Malaysia sebagai pusat utama bagi memproses dan mengilang barang-barang berasaskan pertanian dan juga meningkatkan pertumbuhan Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

Duti-duti Atas Rokok Bir dan Stout

Oleh kerana kita tidak menggalakkan orang ramai menghisap rokok dan minum minuman keras, saya mencadangkan supaya duti eksais atas rokok dinaikkan sebanyak \$4 sekilogram (*Tepuk*) manakala bagi bir dan stout dinaikkan sebanyak 50 sen seliter. (*Tepuk*) Kali terakhir duti eksais atas barangan ini dikaji semula ialah pada tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menerangkan peruntukan-peruntukan perbelanjaan yang dicadangkan untuk tahun 1991.

PERUNTUKAN BELANJAWAN 1991

Selaras dengan Strategi Belanjawan, saya mencadangkan sejumlah \$38,474 juta diperuntukkan bagi Belanjawan tahun 1991. Dari jumlah ini, sebanyak \$29,040 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus manakala sebanyak \$9,434 juta adalah untuk perbelanjaan pembangunan.

Oleh kerana kedudukan kewangan telah bertambah baik, jumlah peruntukan bagi tahun 1991 akan menunjukkan pertambahan sebanyak 15 peratus daripada peruntukan Belanjawan 1990. Sebahagian besar daripada peningkatan ini adalah untuk memenuhi pertambahan perbelanjaan mengurus.

Perubahan-perubahan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan ini dijangka menyebabkan kehilangan hasil sebanyak \$349 juta. Setelah mengambilkira kehilangan ini, hasil bagi tahun 1991 dijangka berjumlah \$29,897 juta. Oleh itu kita akan mempunyai lebihan sebanyak \$857 juta dalam akaun semasa Belanjawan Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1991.

Perbelanjaan Mengurus

Daripada peruntukan sebanyak \$29,040 juta untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 1991, sebanyak \$9,856 juta adalah perbelanjaan untuk emolumen bagi Kementerian, Jabatan dan Badan-badan Berkanun. Peruntukan ini merupakan tambahan sebanyak 11 peratus daripada peruntukan emolumen tahun 1990. Selain daripada kenaikan gaji tahunan, jumlah ini adalah bagi menampung kenaikan kadar Elaun Khidmat Awam yang berkuatkuasa sejak 1-1-1990; perubahan gaji berikutan Penyusunan Semula Struktur Perkhidmatan Awam dan bagi pelaksanaan Skim Dua Tanggagaji Perkhidmatan Guru. Perubahan-perubahan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam dan mewujudkan peluang kerjaya yang lebih baik untuk anggotanya.

Peruntukan yang disediakan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan serta Aset adalah sebanyak \$3,769 juta. Daripada jumlah ini, peruntukan untuk keperluan penyelenggaraan dan pembaikan serta penggantian kemudahan dan peralatan bagi tahun 1991 ialah sebanyak \$892 juta yang merupakan tambahan 14 peratus berbanding dengan peruntukan yang telah disediakan bagi tahun 1990.

Di bawah peruntukan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, sejumlah \$7,318 juta adalah untuk bayaran khidmat hutang negara, \$1,336 juta bagi pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pampasan, \$1,206 juta untuk pencen dan ganjaran dan \$565 juta untuk bayaran balik cukai. Sejumlah \$500 juta adalah sumbangan kepada Tabung Pencen yang baru ditubuhkan. Lain-lain bayaran di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap adalah termasuk pemberian kepada Badan-badan Berkanun, Kumpulan Wang Terkanun, biasiswa dan subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1991, beberapa Kementerian akan diberi peruntukan perbelanjaan mengurus yang besar. Di antaranya ialah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian. Kementerian Pendidikan diberi peruntukan sebanyak \$5,552 juta iaitu pertambahan 19 peratus daripada peruntukan tahun 1990. Selain daripada menampung pertambahan untuk emolumen, pertambahan ini adalah juga untuk membiayai perbelanjaan tambahan sebanyak \$132 juta bagi Bantuan Per Kapita untuk sekolah-sekolah dan sebanyak \$256 juta bagi keperluan penyelenggaraan sekolah dan asrama serta pemberian tambahan kepada institusi-institusi pengajian tinggi. Bagi Kementerian Kesihatan, peruntukan sebanyak \$1,446 juta akan disediakan untuk tahun 1991. Ini adalah untuk menampung keperluan bayaran emolumen, dan pembelian ubat, peningkatan kemudahan-kemudahan serta makmal di hospital-hospital dan juga bagi penyelenggaraan alat-alat perubatan.

Kementerian Pertahanan diberikan peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$2,500 juta iaitu pertambahan sebanyak 8 peratus daripada peruntukan tahun 1990. Sejumlah \$112 juta daripada pertambahan ini adalah diperuntukkan bagi pembelian alat-alat ganti dan keperluan penyelenggaraan kepada kapal-kapal TLDM serta pesawat-pesawat TUDM. Peruntukan yang disediakan untuk Kementerian Dalam Negeri serta agensi-agensi di bawahnya adalah sebanyak \$1,603 juta iaitu pertambahan sebanyak 8.7 peratus daripada peruntukan tahun 1990. Pertambahan yang diberikan ini ialah di antaranya bagi menampung keperluan penyelenggaraan dan membiayai program rawatan serta pemulihan dadah.

Kerajaan akan menyediakan peruntukan sejumlah \$826 juta perbelanjaan mengurus kepada Kementerian Pertanian dan agensi-agensi di bawahnya. Daripada peruntukan ini, sebanyak \$368 juta adalah untuk pemberian subsidi harga padi dan sebanyak \$278 juta adalah pemberian kepada 9 buah Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian tersebut.

Perbelanjaan Pembangunan

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1991, saya bercadang memperuntukkan sebanyak \$9,434 juta bagi projek-projek pembangunan. Peruntukan yang disediakan ini adalah untuk membiayai projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Kelima sahaja dan belum mengambilkira keperluan untuk membiayai projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Sejumlah \$4,562 juta atau 48 peratus daripada peruntukan pembangunan adalah untuk sektor ekonomi. Sejumlah \$2,078 juta atau 22 peratus akan diperuntukkan bagi sektor sosial, \$1,722 juta atau 18 peratus adalah untuk keselamatan dan \$272 juta atau 3 peratus disediakan untuk pentadbiran am. Bakinya sejumlah \$800 juta adalah untuk Simpanan Luar Jangka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus memberi keutamaan kepada pembangunan kawasan luar bandar. Dari jumlah ini sebanyak \$3,721 juta adalah khusus untuk pembangunan projek-projek dalam bidang infrastruktur, pertanian dan lain-lain program yang dapat meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar. Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada keperluan mewujudkan peluang-peluang ekonomi dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menambahkan kesejahteraan hidup rakyat di luar bandar. Peruntukan untuk projek-projek baru di luar bandar akan

disediakan apabila projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam diluluskan nanti.

Pengangkutan

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi keupayaan sistem pengangkutan dan perhubungan, pembangunan infrastruktur akan terus diberi penekanan di dalam melaksanakan projek pembangunan bagi tahun 1991. Pada keseluruhannya, peruntukan yang dicadangkan bagi projek-projek pengangkutan dan perhubungan yang akan dilaksanakan di bawah Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan berjumlah \$2,469 juta atau 26 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 1991. Sebahagian besar daripada peruntukan ini ialah untuk membiayai pelaksanaan projek-projek sambungan yang telah dimulakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan yang disediakan ini ialah juga untuk beberapa projek yang baru dilaksanakan pada pertengahan tahun 1990. Di antara projek-projek ini ialah pembinaan landasan keretapi berkembar di antara Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Kelang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang serta di antara Rawang dan Seremban, pembinaan dua dermaga kontena dan jeti untuk kargo merbahaya di Pelabuhan Johor, pembinaan jalan dan jambatan ke Pulau Lumut untuk pembangunan Pelabuhan Kelang dan pembinaan lebuh raya serta jalanraya terutamanya di Lembah Klang.

Kargo berkontena dan kargo am yang dikendalikan di Pelabuhan Klang dijangka akan terus meningkat dengan kadar yang tinggi ekoran daripada perkembangan ekonomi negara yang pesat. Oleh itu, Kerajaan telah bersetuju supaya Projek Pembesaran Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang diperluaskan skop dan dipercepatkan pelaksanaannya.

Kerajaan juga sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan infrastruktur penduduk luar bandar seperti petani-petani dan nelayan-nelayan. Sejumlah \$365 juta telah diperuntukkan bagi tahun 1991 untuk projek-projek membina dan membaiki jalan luar bandar. Dengan peruntukan ini sepanjang 4,200 km. jalan luar bandar dijangka akan dapat dibina atau dinaikkan taraf. Projek-projek ini akan dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan agensi-agensi di bawahnya.

Pertanian

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus berusaha memajukan sektor pertanian di mana peruntukan sebanyak \$1,140 juta akan disediakan bagi tahun 1991. Jumlah ini merupakan 12 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 1991. Daripada jumlah ini, sebanyak \$416 juta atau 37 peratus adalah bagi pembukaan tanah baru, pemulihan dan penyatuan tanah terbiar serta tanaman semula getah.

FELDA akan melaksanakan rancangan pembangunan tanah secara syarikat mulai tahun 1991. Di bawah sistem ini, setiap rancangan pembukaan tanah akan dikendalikan secara "syarikat ladang" yang dimiliki bersama oleh peneroka-peneroka dan FELDA. Di samping menjadi pemilik saham, peneroka-peneroka akan juga bekerja di syarikat-syarikat ladang tersebut. Adalah diharapkan pelaksanaan sistem baru ini akan dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan pengurusan rancangan pembangunan tanah yang seterusnya memberi manfaat yang lebih besar kepada peneroka-peneroka. Bagi tahun 1991, FELDA akan membuka rancangan tanah seluas 6,180 hektar di bawah sistem syarikat ladang.

FELCRA akan meneruskan usaha-usaha memulihkan 98,280 hektar tanah pertanian dan tanah terbiar sebagai projek sambungan dan 24,000 hektar lagi

sebagai projek baru. RISDA pula akan melaksanakan program-program menanam semula sebanyak 40,000 hektar kebun kecil getah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk membantu penanam padi akan juga diteruskan melalui Skim Subsidi Baja Padi di mana peruntukan sebanyak \$80 juta telah disediakan bagi tahun 1991. Di samping itu, kesemua 15 kawasan Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu disediakan peruntukan sebanyak \$204 juta. Peruntukan sejumlah \$112 juta akan juga disediakan bagi tahun 1991 untuk projek-projek membantu petani dan nelayan dari segi meningkatkan pengetahuan, bimbingan teknikal dan perkhidmatan sokongan.

Malaysia adalah kaya dengan sumber perikanan laut dalam. Dalam usaha membangunkan perusahaan perikanan laut dalam di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif, Kerajaan akan menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu termasuk mengadakan kemudahan latihan. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan membeli sebuah kapal berharga \$21 juta yang dijangka memulakan operasi latihannya dalam tahun 1991. Projek-projek perusahaan perikanan laut dalam dijangka akan dapat menambahkan lagi pendapatan kaum nelayan dan mengurangkan keperluan mengimport ikan.

Pendidikan

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pendidikan dan tenaga manusia yang mahir adalah penting dalam pembangunan negara. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memberi peluang kepada rakyat meningkatkan kemahiran mereka supaya negara akan lebih, dengan izin, 'competitive' lagi. Kerajaan akan terus berusaha bersungguh-sungguh bagi meningkatkan peluang pendidikan kepada seluruh rakyat. Untuk tujuan ini, sebanyak \$700 juta akan diperuntukkan bagi meneruskan pembinaan 989 sekolah

dan maktab serta pembelian peralatan sekolah.

Bagi memenuhi keperluan pengajian tinggi yang semakin bertambah, peruntukan pembangunan sebanyak \$157 juta akan diberikan kepada institusi-institusi pendidikan tinggi.

Kesihatan

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan sentiasa memberi penekanan kepada penyediaan kemudahan-kemudahan kesihatan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak \$595 juta bagi tahun 1991.

Peruntukan sebanyak \$140 juta telah disediakan untuk membina beberapa buah hospital di bawah konsep pembangunan hospital nukleus. Pembinaan hospital daerah di Kulim telahpun dimulakan dalam tahun 1990. Pembinaan enam buah lagi hospital daerah iaitu di Batu Pahat, Segamat, Port Dickson, Kuala Pilah, Sabak Bernam dan Sungai Siput akan dimulakan pada tahun 1991, manakala di bawah Rancangan Malaysia Keenam hospital-hospital daerah akan dibina di Kulai, Seberang Jaya, sebuah di Sarawak dan sebuah lagi di Sabah.

Sebanyak \$125 juta disediakan bagi tujuan penyelenggaraan bangunan hospital, pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik, dan pembelian alat-alat perubatan.

Kemudahan Awam

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin kesejahteraan rakyat yang berterusan Kerajaan akan berusaha meningkatkan lagi taraf hidup mereka melalui penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik dan projek-projek pembedahan. Bagi tujuan ini, sejumlah \$581 juta disediakan untuk bekalan air dan elektrik. Dari jumlah ini,

\$346 juta adalah untuk projek-projek bekalan air luar bandar yang akan memberi manfaat kepada 65,000 pengguna baru dan \$16 juta untuk bekalan elektrik luar bandar yang akan memberi manfaat kepada seramai 11,100 pengguna baru.

Peruntukan ini adalah untuk menyambung pelaksanaan projek-projek yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Bagi memastikan lebih ramai penduduk luar bandar menikmati bekalan air dan elektrik, saya bercadang menambahkan \$100 juta lagi peruntukan untuk bekalan air luar bandar dan \$100 juta untuk bekalan elektrik luar bandar. Dengan terlaksananya projek-projek ini, lebih 80 peratus daripada penduduk luar bandar akan menikmati kemudahan elektrik dan lebih 75 peratus akan menikmati kemudahan bekalan air pada akhir tahun 1991. Tambahan peruntukan sebanyak \$200 juta ini akan mempercepatkan pencapaian matlamat Kerajaan menyediakan bekalan air dan elektrik kepada semua penduduk luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam pelaksanaan projek-projek ini akan dipergiatkan lagi.

Peruntukan sebanyak \$47 juta akan disediakan bagi tahun 1991 untuk projek-projek mengawal banjir.

Sektor Keselamatan

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1991, sebanyak \$1,722 juta telah disediakan untuk keselamatan negara. Daripada jumlah ini sebanyak \$1,301 juta diperuntukkan untuk keperluan pertahanan. Peruntukan ini disediakan bagi meningkatkan keupayaan negara untuk mengawasi Zon Ekonomi Eksklusif serta mempertahankan negara dari sebarang ancaman. Baki peruntukan sebanyak \$421 juta ialah untuk keperluan keselamatan dalam negeri. Oleh kerana Kerajaan memandangkan berat terhadap masalah perumahan pihak

tentera dan polis, sejumlah \$317 juta akan dibelanjakan untuk memenuhi keperluan perumahan mereka pada tahun hadapan.

Mengawal Kenaikan Harga

Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi di negara kita adalah rendah dan dijangka melebihi 3 peratus tahun ini. Walau bagaimanapun, terdapat tekanan dalam ekonomi negara yang akan menyebabkan kadar inflasi meningkat sedikit. Ini adalah berikutan daripada permintaan dalam negeri yang lebih besar akibat tahap penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi peningkatan dalam kadar penggunaan keupayaan, tekanan atas paras upah serta kenaikan dalam harga barangan petroleum dalam negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah bagi memastikan kadar inflasi kekal pada paras yang sederhana.

Dasar-dasar kewangan dan fiskal Kerajaan memainkan peranan penting dalam membendung kenaikan harga. Pertumbuhan dalam bekalan wang akan dikawal rapi untuk memastikan dana disediakan untuk pelaburan produktif pada kos yang munasabah serta pertumbuhan mudah tunai tidak memburukkan lagi tekanan inflasi. Oleh itu, dasar kewangan bagi tahun 1991 akan terus menyokong proses pertumbuhan dan pada masa yang sama mengawal tekanan harga akibat pertambahan permintaan dalam negeri yang lebih tinggi. Mengenai dasar fiskal pula, peningkatan perbelanjaan yang saya cadangkan adalah perlu dan bertujuan memenuhi keperluan-keperluan penting khususnya untuk memperbaiki perkhidmatan awam dan infrastruktur. Perubahan-perubahan cukai yang dilaksanakan dalam beberapa tahun yang lalu telah dirangka untuk menggalakkan pertumbuhan dan mengurangkan kenaikan harga.

Pengurangan Tarif

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tahap perlindungan tarif juga mempunyai kesan ke atas kecekapan dan paras harga, maka saya bercadang mengurangkannya lagi.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengkaji semula tahap perlindungan tarif dari semasa ke semasa untuk menyeragamkan struktur tarif serta mengurangkan perlindungan yang berlebihan. Untuk Belanjawan ini, saya bercadang mengurangkan duti ke atas keluaran yang telah mendapat perlindungan begitu lama atau yang tidak dibuat di dalam negeri. Ini meliputi kelengkapan pejabat seperti mesin-kira dan alat perhubungan, perabot dan keluaran getah, khususnya tayar. Saya ingin menegaskan bahawa pengurangan tahap perlindungan tarif akan diteruskan di masa hadapan bagi menggalakkan industri kita lebih cekap dan berdayasaing. Langkah ini juga dijangka mengurangkan harga dalam negeri.

MEMPERBAIKI IMBANGAN PEMBAYARAN

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu saya telah mencadangkan beberapa langkah untuk menggalakkan industri pelancongan memandangkan ia mempunyai potensi yang besar untuk berkembang. Jika kita dapat menarik lebih ramai pelancong, kedudukan akaun perkhidmatan dalam Imbangan Pembayaran Negara dapat diperbaiki.

Saya gembira mendapati galakan yang diberi kepada industri ini telah berjaya menarik lebih ramai pelancong. Sehingga hujung Oktober, kita telah menerima ketibaan seramai 6.3 juta pelancong iaitu 58 peratus lebih tinggi daripada ketibaan untuk tempoh yang sama dalam tahun 1989. Perbelanjaan oleh pelawat-pelawat ini sehingga Oktober 1990 telah mencapai \$3.75 ribu juta. Ini adalah sangat menggalakkan.

Saya yakin dengan publisiti yang lebih baik dan program pelancongan yang lebih banyak serta kempen yang berterusan untuk memperkenalkan negara, prestasi kita dalam bidang ini akan terus meningkat di masa hadapan.

Hasil dari usaha ini, sektor pelancongan telah berkembang dengan pesat. Oleh itu, Kerajaan akan menyediakan peruntukan \$105 juta bagi tahun 1991 untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Penyelenggaraan Pejabat Jualan di Luar Negeri

Dalam Belanjawan 1990, saya telah mencadangkan potongan dua kali kepada operator-operator pelancongan dan hotel untuk perbelanjaan tertentu bagi promosi di luar negeri. Bagaimanapun, perbelanjaan yang dikenakan tidak meliputi penyelenggaraan pejabat-pejabat jualan di luar negeri. Syarikat-syarikat perkilangan sekarang ini dibenarkan potongan dua kali untuk penyelenggaraan pejabat jualan di luar negeri bagi tujuan promosi eksport.

Untuk menggalakkan pembangunan industri pelancongan selanjutnya dan selaras dengan galakan yang diberi kepada syarikat-syarikat perkilangan, saya cadangkan potongan dua kali diberi kepada operator-operator pelancongan dan hotel atas perbelanjaan menyelenggara pejabat jualan di luar negeri.

Pengurangan Pendapatan Larasan untuk Operator Pelancongan

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini setiap operator pelancongan yang membawa masuk sekurang-kurangnya 500 orang pelancong dari luar negeri secara kumpulan akan diberi pengurangan pendapatan larasan sepenuhnya atas pendapatan yang

diperolehi. Galakan ini akan berakhir pada tahun ini. Memandangkan industri pelancongan di Malaysia telah mula berkembang dan untuk menggalakkan operator-operator pelancongan membawa masuk lebih ramai lagi pelancong daripada luar negeri, saya mencadangkan supaya galakan ini dilanjutkan untuk 3 tahun lagi sehingga tahun 1993. *(Tepuk)*

Penghapusan Duti-duti/Cukai Atas Barang-barang Tertentu Yang Dimport Ke Labuan

Untuk meletakkan Labuan setaraf dengan Langkawi sebagai pelabuhan bebas, saya mencadangkan supaya duti import dan cukai jualan atas minuman keras, barang-barang tembakau dan mancis yang diimport ke Labuan dihapuskan. Saya harap langkah ini akan menggalakkan pertumbuhan Pulau Labuan sebagai pusat pelancongan dan pelaburan terutama sekali selepas ianya diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa.

Potongan Dua Kali bagi Promosi Eksport

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini potongan dua kali atas perbelanjaan untuk promosi eksport diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan yang menyertai pameran perdagangan antarabangsa yang diadakan di luar negeri dengan syarat pameran itu adalah pameran yang diluluskan.

Untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana menyertai pameran perdagangan antarabangsa dan membantu syarikat-syarikat ini mengeksport keluaran siap mereka, saya mencadangkan supaya syarikat-syarikat tempatan yang menyertai pameran bertaraf antarabangsa yang diadakan di dalam negeri diberi potongan dua kali ke atas promosi eksport.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SERTA LATIHAN TENAGA MAHIR

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dari pembangunan ekonomi yang pesat di tahun-tahun kebelakangan ini, kekurangan pekerja mahir di semua peringkat merupakan satu masalah serius yang dihadapi oleh banyak syarikat perkilangan dan pembinaan. Strategi pembangunan kita perlu memberi penekanan terhadap usaha meningkatkan kemahiran dan menambahkan bilangan tenaga kerja mahir. Jika tidak, ia akan memperlambatkan proses pertumbuhan ekonomi dan menjejaskan pelaburan swasta.

Untuk menambahkan bilangan tenaga mahir serta mempertingkatkan lagi kemahiran pekerja-pekerja bersesuaian dengan kehendak industri, Kerajaan telahpun menubuhkan pusat-pusat latihan kemahiran seperti Institut-Institut Latihan Perindustrian, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan dan Pusat Latihan Kemahiran Tinggi. Penggunaan pusat-pusat latihan ini oleh sektor swasta untuk melatih pekerja-pekerja mereka adalah menggalakkan, tetapi saya percaya ianya boleh dipertingkatkan lagi. Sektor swasta juga patut memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan sumber manusia. Usaha-usaha ke arah mewujudkan lebih banyak tenaga mahir akan diteruskan pada tahun 1991 di mana sejumlah \$83 juta disediakan untuk membiayai skim latihan. Peruntukan ini merupakan pertambahan sebanyak 43 peratus berbanding dengan peruntukan yang diberikan dalam tahun 1990.

Galakan Potongan Dua Kali Ke atas Latihan Yang Diluluskan

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, potongan dua kali atas perbelanjaan bagi latihan diberikan kepada syarikat-syarikat perkilangan, pembinaan dan pelancongan. Syarikat-syarikat kecil di

sektor perkilangan diberi kelulusan automatik sekiranya pekerja-pekerja syarikat dilatih di institusi-institusi yang diluluskan. Untuk menggalakkan lagi syarikat-syarikat melatih pekerja mereka, saya mencadangkan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) potongan dua kali atas perbelanjaan latihan di institusi-institusi yang diluluskan dipanjangkan kepada semua syarikat kecil, sederhana dan besar dalam industri-industri perkilangan dan bukan perkilangan. Senarai institusi yang diluluskan ini akan dikaji oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa; dan
- (ii) skop serta bidang skim potongan dua kali untuk latihan yang sedia ada bagi industri perkilangan diperluaskan untuk meliputi program-program latihan yang berkaitan dengan peningkatan produktiviti dan kawalan mutu. Di samping itu syarikat-syarikat yang belum beroperasi boleh juga mendapat galakan ini bagi program-program latihan yang berkaitan dengan proses pengeluaran.

Saya juga bersedia untuk menimbangkan potongan dua kali bagi latihan dalaman yang dijalankan oleh industri-industri bukan perkilangan. Untuk tujuan ini, industri-industri bukan perkilangan dikehendaki mengemukakan butir-butir terperinci mengenai cadangan latihan mereka untuk pertimbangan Kementerian Kewangan.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di dalam sektor awam dan swasta. Usaha ini penting bagi menjamin keluaran yang bermutu tinggi dan lebih

berdaya saing dalam pasaran. Bagi tujuan ini Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang besar. Sejumlah \$162 juta akan diperuntukkan untuk penyelidikan dan pembangunan bagi tahun 1991. Jumlah ini merupakan pertambahan 43 peratus berbanding dengan peruntukan tahun 1990.

Selaras dengan usaha Kerajaan memberi penekanan yang lebih kepada penyelidikan dalam sektor perkilangan, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM telahpun diberi tambahan kakitangan yang besar. Dengan ini SIRIM diharap dapat memperluaskan aktiviti penyelidikan dan mengeluarkan hasil yang memenuhi keperluan industri perkilangan yang pesat berkembang. SIRIM perlulah juga bekerjasama dengan pusat-pusat penyelidikan di Universiti-universiti untuk mewujudkan rangkaian pusat-pusat kecemerlangan atau dengan izin, "centres of excellence" dalam bidang penyelidikan sains dan kejuruteraan.

Bagi menggalakkan syarikat-syarikat mempertingkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menambah perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan kepada 2 peratus daripada KNK menjelang tahun 2000, saya bercadang memberi galakan tambahan seperti berikut:

- (i) pengecualian cukai untuk 5 tahun kepada syarikat-syarikat atau institusi yang diluluskan yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi sesuatu industri tertentu. Selain dari itu dividen yang diterima oleh pemegang saham adalah juga dikecualikan daripada cukai;
- (ii) kerugian terkumpul oleh syarikat atau institusi yang diluluskan dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian;

- (iii) potongan dua kali diberi kepada orang-orang yang menderma wang tunai kepada institusi penyelidikan yang diluluskan;
- (iv) potongan dua kali diberi kepada syarikat yang menggunakan kemudahan dan perkhidmatan institusi atau syarikat penyelidikan yang diluluskan; dan
- (v) pengecualian cukai selama 5 tahun diberi kepada firma yang berasaskan teknologi baru.

MEMUPUK MASYARAKAT PENYAYANG

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia dari setiap golongan telah menikmati faedah daripada pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan supaya hasil pembangunan yang pesat dinikmati oleh setiap golongan masyarakat. Oleh itu peruntukan yang besar telah disediakan untuk sektor sosio-ekonomi walaupun semasa ekonomi negara dilanda kemelesetan. Dalam usaha kita meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat, setiap kanak-kanak dipastikan mendapat tempat di sekolah. Kini kadar pendaftaran kanak-kanak di sekolah-sekolah kita adalah setanding dengan kadar di negara-negara maju. Kerajaan telah sedaya upaya memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemudahan kesihatan yang disediakan. Kadar kematian bayi, satu petunjuk mengenai taraf kesihatan, kini dianggar 14 orang bagi setiap 1,000 orang bayi yang dilahirkan. Ini menunjukkan taraf kesihatan yang tinggi di negara kita.

Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kedudukan orang-orang tua dan cacat dalam masyarakat kita. Mereka yang berumur 60 tahun ke atas merupakan 6 peratus dari jumlah penduduk negara kita. Bilangan orang cacat yang berdaftar pula berjumlah

42,000. Bilangan sebenar orang cacat mungkin lebih tinggi kerana ramai keluarga yang tidak mendaftarkan kanak-kanak cacat mereka.

Tanggapan ke atas sesuatu masyarakat sebahagiannya bergantung kepada sejauh mana ia memberi perhatian berat kepada kumpulan yang tidak terdaya dan kurang bernasib baik. Kerajaan telah melaksanakan beberapa program untuk membantu kumpulan cacat di negara kita. Di samping itu, pertubuhan sukarela juga memainkan peranan yang penting membantu orang-orang cacat. Sumbangan pertubuhan-pertubuhan ini amat dihargai oleh Kerajaan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mencadangkan langkah-langkah berikut:

- (i) peruntukan sebanyak \$20 juta disediakan kepada Yayasan Kebajikan Negara khusus untuk membantu kumpulan-kumpulan cacat, orang-orang tua dan anak-anak yatim; (*Tepuk*)
- (ii) pelepasan cukai untuk kanak-kanak cacat ditingkatkan daripada \$400 kepada \$1,000;
- (iii) pelepasan cukai tidak lebih daripada \$1,000 diberikan kepada pembayar cukai untuk belanja rawatan perubatan bagi ibu-bapa mereka; dan
- (iv) potongan dua kali diberi kepada syarikat yang melatih orang-orang cacat.

Langkah-langkah ini adalah sumbangan Kerajaan dalam usaha memupuk masyarakat penyayang. Walaupun ianya mungkin kelihatan kecil, ia penuh bermakna. Ia merupakan tambahan kepada sumbangan cemerlang yang diberikan oleh individu-individu dan pertubuhan sukarela bagi membantu orang-orang tua dan cacat. Usaha-usaha

ini perlulah diteruskan kerana, ianya merupakan tradisi, serta sebahagian daripada nilai-nilai hidup kita.

Program Bantuan Untuk Golongan Termiskin

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah yang saya nyatakan, Kerajaan akan terus memberi bantuan kewangan supaya golongan termiskin mencuburkan diri di dalam berbagai kegiatan ekonomi untuk memperolehi pendapatan yang lebih dan berterusan. Melalui Amanah Ikhtiar Malaysia, sejumlah \$680,000 pinjaman telahpun dikeluarkan tanpa faedah kepada seramai lebih kurang 1,000 keluarga termiskin. Bagi membantu Amanah Ikhtiar Malaysia menguruskan program ini dengan lebih berkesan, Kerajaan telah memberikan sumbangan sebanyak \$1.6 juta pada tahun ini. Memandangkan program ini telah menunjukkan pencapaian yang sangat baik, Kerajaan akan memperuntukkan \$20 juta dalam tahun 1991.

Kerajaan juga akan terus membantu golongan termiskin di bawah program-program seperti Projek Pemulihan Rumah-rumah, Projek Tanaman Sayuran Ladang Jaya Diri, Projek Ternakan Ayam Daging yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Pertanian, KADA, MADA dan lain-lain agensi.

Bagi tahun 1989 dan 1990 sebanyak \$392 juta telah disediakan untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, satu peruntukan yang lebih besar akan disediakan untuk membantu golongan termiskin.

Dalam hubungan ini saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sejak tahun 1986

Kerajaan Persekutuan telah meminjamkan sebanyak \$207 juta kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah. Hasil dari perbelanjaan ini sebanyak 67,000 unit rumah kos rendah telah disiapkan. Saya ingin menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mempercepatkan pelaksanaan skim-skim perumahan ini kerana hanya 55 peratus dari matlamat yang ditentukan telah tercapai. Pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah dapat membantu golongan miskin menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Oleh kerana kemajuan tidak memuaskan, saya harap Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberikan keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek ini.

Bagi membantu golongan miskin yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan memiliki rumah, saya ingin mengumumkan bahawa pinjaman yang diberikan bagi mendirikan rumah-rumah di bawah Skim Pertapakan dan Kemudahan, program Perumahan Awam Kos Rendah akan dikecualikan daripada bayaran faedah. (*Tepuk*) Di bawah skim ini seorang pemohon di Semenanjung Malaysia boleh meminjam \$10,000, manakala pemohon di Sabah dan Sarawak pula boleh meminjam \$13,000. Setakat ini, pinjaman untuk 1,800 unit telah diluluskan melibatkan lebih dari \$19 juta. Dengan pengecualian bayaran faedah, peminjam akan dikehendaki membayar hanya \$30 hingga \$35 sebulan. Jika tidak, mereka perlu membayar \$60 hingga \$80 sebulan. Pengecualian daripada membayar faedah ini adalah satu lagi bukti bahawa Kerajaan adalah bersungguh-sungguh dalam usaha membantu rakyat miskin di negara kita. (*Tepuk*) Kerajaan Persekutuan sedia menimbangkan jumlah peruntukan yang lebih besar dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam untuk melaksanakan skim ini.

PROSPEK EKONOMI 1991

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara perindustrian utama dijangka mencapai tahap pertumbuhan yang lebih rendah dalam tahun 1991. Sebelum Krisis Teluk lagi, telah ada tanda-tanda bahawa negara-negara perindustrian utama seperti Amerika Syarikat sedang mengalami pertumbuhan yang perlahan. Walau bagaimanapun, Jepun dan Jerman dijangka dapat mengekalkan pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun hadapan. Keadaan ini akan dapat menyederhanakan kesan-kesan sekiranya ekonomi Amerika Syarikat menghadapi kemelesetan.

Krisis Teluk menimbulkan satu lagi dimensi ketidaktentuan kepada prospek ekonomi dunia. Jika krisis ini berlarutan, pertumbuhan di negara-negara industri utama akan terjejas dan pasaran kewangan dan matawang akan terus berada dalam keadaan tidak stabil. Kita semua berdoa agar pertikaian ini dapat diselesaikan segera dan secara aman.

Berasaskan kepada andaian semasa mengenai pertumbuhan ekonomi dunia, prospek perkembangan ekonomi Malaysia adalah menggalakkan. Ekonomi negara kini lebih mantap dengan terdapat sumber-sumber pertumbuhan dalam negeri yang kukuh. Kedudukan kewangan sektor awam yang lebih baik menambahkan keupayaan kita meningkatkan pelaburan untuk mengatasi sebarang kemerosotan dalam ekonomi kita. Saya yakin kita akan mencapai prestasi yang memuaskan tahun hadapan. Walau bagaimanapun, kita juga hendaklah bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin timbul.

Saya menjangkakan ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 7.8 peratus dalam tahun 1991. Kadar ini masih menggalakkan. Berasaskan

kedudukan ini, pendapatan per kapita dijangka meningkat kepada \$6,600 pada tahun hadapan berbanding dengan \$6,150 bagi tahun ini.

Pertumbuhan dalam ekonomi negara dijangka dapat dikekalkan kerana prestasi yang baik dalam sektor perkilangan yang dijangka berkembang sebanyak 13 peratus dan sektor pembinaan sebanyak 14 peratus. Ini merupakan tahun ketiga sektor pembinaan dijangka tumbuh pada kadar yang tinggi oleh sebab kegiatan yang pesat dalam pembinaan rumah, bangunan dan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk membuat ramalan yang tepat paras harga petroleum pada tahun hadapan. Ianya bergantung kepada pergolakan di kawasan Teluk. Jika krisis ini tidak diatasi dengan segera, harga petroleum tahun hadapan akan terus berada pada paras sekarang. Untuk merancang Belanjawan ini, kita telah menganggarkan harga purata petroleum sebanyak AS\$22 setong bagi sepanjang tahun 1991. Jika peperangan tercetus di Teluk, harga purata mungkin meningkat kepada AS\$40 tahun hadapan. Hasil Kerajaan mungkin bertambah sebanyak \$3 ribu juta. Jika ini berlaku, kita akan menggunakan sumber-sumber ini untuk menambahkan projek-projek pembangunan, membayar lebih awal hutang luar negara dan menambahkan peruntukan untuk kumpulan miskin.

Walaupun terdapat pendapatan yang tinggi dari eksport petroleum, pertumbuhan dalam jumlah eksport dijangka sederhana. Pertumbuhan import, walaupun tinggi, berkurangan sedikit. Dengan itu akaun semasa imbalan pembayaran dijangka mencatatkan defisit yang lebih besar melebihi \$4 ribu juta. Defisit ini dijangka terus berlaku dalam tempoh 2 atau 3 tahun hadapan, tetapi dengan harga

petroleum yang baik dan perkembangan sektor eksport perkilangan, serta pertumbuhan import yang berkurangan selepas mencapai pertumbuhan yang amat tinggi semenjak tiga tahun yang lepas, akaun semasa dijangka bertambah baik secara beransur-ansur.

Pertumbuhan ekonomi yang berterusan ini dijangka mengurangkan lagi kadar pengangguran kepada 5.8 peratus. Di masa yang sama, kita mungkin mengalami peningkatan inflasi yang dijangka mencapai kadar 4 peratus pada tahun hadapan disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga petroleum, harga import yang lebih tinggi serta permintaan dalam negeri yang kukuh. Kenaikan harga ini masih rendah.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berjaya menguruskan ekonomi negara dengan cekap dan berkesan. Bagaimanapun, dalam merancang masa hadapan, kita perlu sentiasa peka terhadap perubahan-perubahan yang sedang berlaku di arena antarabangsa. Beberapa negara di Eropah sedang melaksanakan reformasi ekonomi. Penyatuan Semula Jerman akan mempunyai kesan kepada perkembangan ekonomi dunia. Pasaran Eropah Bersatu yang akan wujud pada tahun 1982 nanti, dan penubuhan pakatan-pakatan perdagangan yang lain, akan mempengaruhi corak perdagangan antarabangsa di masa hadapan. Kita harus sedar bahawa perkembangan-perkembangan ini akan memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi kita.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perundingan-perundingan untuk memperbaiki sistem perdagangan dunia telah menemui jalan buntu. Ini adalah satu petanda yang tidak

baik untuk masa depan perdagangan dunia yang lebih bebas. Oleh itu, kita perlu memupuk kerjasama ekonomi yang lebih erat di antara negara-negara Selatan, termasuk kerjasama antara negara-negara ASEAN. Kita juga perlu mengkaji dengan lebih serius kemungkinan mewujudkan sebuah pakatan perdagangan di kalangan negara-negara Asia Pasifik. Penubuhan pakatan ini adalah perlu memandangkan negara-negara Eropah akan mewujudkan pasaran bersama dan kecenderungan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat untuk menubuhkan pakatan perdagangan. Dengan cara ini sahajalah kita dapat memperkuatkan kedudukan tawar-menawar dengan negara-negara lain serta menjamin pasaran bagi barang-barang keluaran kita. Itulah antara sebabnya dalam Belanjawan ini, Kerajaan menggalakkan para pelabur tempatan melabur di luar negeri dengan memberi beberapa galakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita sedang meneliti semula dasar-dasar ekonomi jangka panjang negara. Apabila tempoh Dasar Ekonomi Baru berakhir pada tahun ini, kita akan merangka satu dasar ekonomi selepas tahun 1990. Di samping itu, beberapa perubahan juga sedang dirangka bagi mengemaskini Akta Pelajaran supaya sesuai dengan perkembangan politik, sosial dan ekonomi negara kita sekarang.

Oleh kerana perancangan Dasar Ekonomi selepas tahun 1990, serta pindaan kepada Akta Pelajaran sangat penting, Kerajaan telah menubuhkan Majlis-majlis Perundingan bertujuan mencari kata sepakat mengenainya. Walaupun kita sedar bahawa matlamat golongan politik yang menentang setiap langkah Kerajaan bukanlah kerana sesuatu langkah itu dianggap tidak baik, tetapi semata-mata kerana hendak menjatuhkan Kerajaan, kita tetap juga berharap Allah akan membuka mata dan

hati mereka supaya menyedari bahawa kepentingan rakyat hendaklah mengatasi kepentingan diri sendiri dan kepentingan politik sempit mereka. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berjaya menggubal Dasar Ekonomi selepas Tahun 1990 dan meminda Akta Pendidikan, saya yakin kita akan dapat meletakkan asas yang kukuh bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun hadapan. Dalam hubungan ini, sektor swasta perlu bekerja lebih rapat dengan sektor awam bagi menjamin dasar-dasar yang telah digubal dilaksanakan dengan jayanya. Saya ingin sekali melihat sektor swasta lebih aktif dalam bidang penyelidikan serta pembangunan dan juga dalam usaha menyediakan kemudahan-kemudahan latihan untuk para pekerja. Hubungan dan kerjasama erat antara sektor swasta dan Kerajaan dalam dua bidang ini telah membolehkan beberapa negara Asia yang dinamis mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan. Kita perlu mencontohi kerjasama ini, jika kita hendak mencapai kejayaan cemerlang.

Para pekerja dan kesatuan sekerja juga perlu terus berganding bahu dengan Kerajaan dan majikan untuk mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Saya ingin tegaskan bahawa selagi kita tidak dapat merangka sistem penentuan upah yang, dengan izin, "flexible" yang ada pertalian dengan daya pengeluaran, selagi itulah kita tidak akan dapat meningkatkan daya-saing kita. Dalam hubungan ini, pekerja-pekerja hendaklah muasabah dalam tuntutan kenaikan gaji mereka supaya kenaikan kos pengeluaran dapat dikawal. Jika kita tidak dapat bersaing dengan negara-negara lain dari segi kos pengeluaran, kecekapan dan produktiviti, perkembangan ekonomi kita akan terjejas. Negara akan rugi. Dan yang lebih rugi ialah para pekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk membina budaya kerja yang tahan-saing atau dengan izin, "competitive", di samping memupuk semangat berdikari di kalangan masyarakat kita. Masyarakat yang tidak mempunyai semangat berdikari, yang tidak mempunyai budaya kerja tahan-saing, akan menjadi sebuah masyarakat yang lemah. Oleh itu Kerajaan merasa sangat kesal terhadap golongan-golongan politik yang berusaha meracuni fikiran rakyat dengan menjanjikan pemberian pelbagai subsidi, penghapusan kutipan tol jalanraya, dan menjanjikan bantuan wang ringgit dalam usaha mereka untuk mendapat kuasa. Kita semua tahu, dan mereka pun tahu bahawa jika angan-angan mereka itu dilaksanakan, negara kita akan bankrap. Jika negara bankrap, rakyat pun akan turut bankrap. Tetapi syukur Alhamdulillah, majoriti rakyat kita bijak membezakan antara program yang bankrap dengan program yang menjamin kemakmuran bagi semua. *(Tepuk)*

Kita perlu bijak menguruskan tambahan hasil daripada kenaikan mendadak harga minyak baru-baru ini. Ia perlu digunakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan untuk meningkatkan tabungan negara. Jika kita tidak menggunakan hasil yang diperolehi sekarang untuk tujuan pelaburan yang produktif, mempelbagaikan asas ekonomi dan meningkatkan tahap teknologi serta kemahiran, negara kita akan mengalami kesusahan apabila sumber petroleum kita berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak merdeka, kita telah banyak mencurahkan wang untuk pembangunan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sahaja, kita telah membelanjakan \$63 ribu juta. Siapapun tidak boleh menafikan bahawa negara kita sekarang adalah lebih

makmur, lebih maju, lebih aman dan lebih stabil. Rakyat sekarang ini menikmati taraf dan mutu hidup yang lebih tinggi. Di kalangan masyarakat antarabangsa pula, nama Malaysia lebih harum dan dikenali kerana sumbangan aktif kita di peringkat antarabangsa. Semua pencapaian ini adalah hasil daripada usaha gigih pemimpin-pemimpin kita sejak kita mencapai kemerdekaan.

Sehubungan dengan ini, kita amat sedih di atas kehilangan dua pemimpin kita pada tahun ini, iaitu Allahyarham Tun Hussein Onn dan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, yang telah banyak menaburkan jasa bakti kepada negara. Jasa mereka meletakkan batu asas yang kukuh bagi mewujudkan sebuah negara yang lebih aman, makmur dan bersatupadu akan tetap dikenang oleh rakyat buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang saya bentangkan hari ini adalah sama juga dengan Belanjawan yang sepatutnya dibentangkan pada 26 Oktober lalu. Saya sengaja tegaskan hal ini kerana ia membuktikan bahawa Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah menggunakan Belanjawan Negara sebagai senjata untuk memenangi pilihanraya (*Tepuk*) seperti yang selalu didakwakan oleh pihak-pihak yang menentang Kerajaan. Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah dan tidak perlu berbuat demikian kerana kita amat yakin bahawa majoriti rakyat kita memang bijak menilai yang mana intan, yang mana kaca (*Tepuk*), yang mana janji yang boleh dikotakan, dan yang mana janji yang menjadi impian semata-mata.

Mandat baru dengan majoriti lebih dari dua-pertiga yang diberikan kepada Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini memperkuat

kepercayaan dan keyakinan kita bahawa rakyat tahu menilai kemampuan kita menguruskan ekonomi negara dan kebolehan kita untuk berkhidmat kepada mereka. Rakyat telah terus memilih Barisan Nasional, Kerajaan yang mempunyai rekod cemerlang sejak Merdeka. Ini membuktikan juga bahawa rakyat memang sedar bahawa pembangunan negara hanya boleh dicapai oleh sebuah Kerajaan yang stabil dan teguh; sebuah Kerajaan yang mempunyai kesinambungan.

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t. dan bagi pihak Kerajaan, ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua lapisan rakyat yang telah memberi sokongan kepada Barisan Nasional untuk terus berkhidmat memimpin negara. Insya Allah, dengan mandat baru ini, kita sekarang bolehlah mengembeling semua usaha untuk terus membina sebuah negara yang maju. Memang banyak lagi usaha yang perlu dilakukan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan kita sentiasa sedar akan tanggungjawab ini. Dan selagi majoriti rakyat berdiri teguh dan bersama barisan kita, kita yakin masa depan mereka dan negara akan sentiasa cerah dan terjamin. Inilah komitmen kita sejak kita memegang teraju negara.

Dengan bersandarkan kepada komitmen inilah Belanjawan dibentangkan hari ini adalah Belanjawan untuk semua rakyat. Kita sentiasa mencuba sedaya upaya pada setiap tahun untuk mengagihkan kemakmuran negara kepada setiap golongan rakyat. Kita sedar akan hakikat bahawa setiap rakyat, tidak kira lapisan atau golongan, telah menyumbangkan tenaga untuk bersama-sama membina dan memajukan ekonomi negara. Oleh itu sewajarnya setiap rakyat harus dapat merasakan nikmat dari titik peluh mereka. Walaupun begitu, dari segi agihan kemakmuran,

kita sedar bahawa ada lapisan yang miskin, khususnya di luar bandar, yang memerlukan pembelaan oleh Kerajaan. Menyedari hakikat ini Belanjawan 1991 memperuntukkan kira-kira \$6,000 juta untuk penduduk luar bandar. Selain dari itu kita sedar terdapat golongan yang kurang bernasib baik dalam masyarakat kita. Ini bukanlah disebabkan kurang berusaha atau kurang peluang, tetapi oleh sebab-sebab di luar keupayaan mereka. Oleh itu kita semua haruslah memberi bantuan dan perhatian yang lebih kepada mereka, bukan saja melalui wang ringgit tetapi juga melalui kemudahan-kemudahan yang boleh membantu mereka menikmati taraf hidup yang lebih baik. Pembangunan negara tidaklah harus diukur melalui tahap pencapaian ekonomi semata-mata tetapi berdasarkan juga kepada sama ada kita mempunyai nilai rohaniah yang mulia dan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, Belanjawan tahun ini mempunyai satu strategi tambahan iaitu strategi keroanian untuk membina masyarakat penyayang atau dengan izin, "a caring society". Dalam Belanjawan ini kita cuba menyatakan penghargaan terhadap ibu-bapa serta perhatian berat kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik, dengan harapan kita akan dapat mewujudkan budaya ikram, atau dengan izin, "caring and sharing culture" seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah dalam Titah DiRaja semasa merasmikan pembukaan Parlimen Kelapan baru-baru ini. Marilah kita semua, terutama Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, menunjukkan teladan dalam membina satu masyarakat Malaysia yang penyayang. Dan marilah kita melaksanakan segala komitmen kita ini semata-mata kerana Allah dan bukan kerana kita hendak berkuasa. Moga-moga Allah akan sentiasa memberi restu dan hidayahNya ke atas segala usaha kita

untuk menjadikan negara tercinta ini tempat berlindung yang makmur dan bahagia bagi semua ummah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Dato' Paduka Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,433,569,070 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1991, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1991, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1990, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember, 1990 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1991 adalah dibatalkan.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan 1991 dan usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1991 hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadang dan disokong.

Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 17hb Disember, 1990.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.25 petang.

LAMPIRAN I

Kajian semula cukai pembangunan

Dalam Belanjawan 1990 kadar cukai pembangunan bagi individu dan syarikat telah diturunkan dari 5 peratus kepada 4 peratus. Ini adalah selaras dengan pengumuman Kerajaan di dalam Belanjawan 1989 di mana cukai pembangunan sebanyak 5 peratus ke atas syarikat dan individu dimansuhkan secara beransur-ansur. Sebagai langkah berterusan, adalah dicadangkan kadar cukai pembangunan dikurangkan sebanyak 1 peratus lagi menjadikan kadar cukai tersebut 3 peratus.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

LAMPIRAN II

Kajian semula kadar cukai pendapatan individu

Pada masa sekarang, cukai pendapatan individu dikenakan pada kadar antara 5 peratus hingga 40 peratus. Di samping itu, lain-lain cukai yang dikenakan ke atas pendapatan perseorangan ialah cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5 peratus bagi pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$300,000 dan cukai pembangunan sebanyak 4 peratus.

Kali terakhir kadar cukai pendapatan individu yang berkuatkuasa sekarang telah disemak pada tahun taksiran 1985. Sebagai langkah untuk menggalakkan dayausaha dan meningkatkan produktiviti, adalah dicadangkan supaya cukai pendapatan individu dikaji semula seperti berikut:

- (i) kadar cukai terendah dikurangkan dari 5 peratus kepada 4 peratus;
- (ii) kadar cukai tertinggi dikurangkan dari 40 peratus kepada 35 peratus;
- (iii) lain-lain kadar cukai dikurangkan di antara 1 hingga 3 peratus seperti di dalam Jadual I dan II berkembar; dan
- (iv) cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5 peratus bagi pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$300,000 dihapuskan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

JADUAL I

**Perbandingan kadar cukai pendapatan individu di bawah struktur sekarang
dengan struktur yang dicadangkan**

<i>Struktur Sekarang</i>		<i>Struktur Dicadangkan</i>	
<i>Kumpulan Pendapatan (\$)</i>	<i>Kadar</i>	<i>Kumpulan Pendapatan (\$)</i>	<i>Kadar</i>
1-2,500	5%	1-2,500	4%
2,501-5,000	8%	2,501-5,000	7%
5,001-10,000	12%	5,001-10,000	10%
10,001-20,000	15%	10,001-20,000	12%
20,001-35,000	20%	20,001-35,000	17%
35,001-50,000	25%	35,001-50,000	22%
50,001-70,000	30%	50,001-70,000	27%
70,001-100,000	35%	70,001-100,000	32%
> 100,000	40%	> 100,000	35%
> 300,000	+5%		
EPT*			

*EPT—CUKAI KEUNTUNGAN BERLEBIHAN

(Rebet cukai \$60 untuk pembayar cukai dan \$30 untuk isteri masih dikekalkan bagi mereka yang mempunyai pendapatan dikenakan cukai tidak melebihi \$10,000).

JADUAL II

**Cukai pendapatan yang kena dibayar di bawah struktur cukai sekarang dan
yang dicadangkan**

<i>Pendapatan Bercukai</i>	<i>Kadar Cukai Yang Dicadangkan</i>	<i>Jumlah Cukai Sekarang</i>	<i>Jumlah Cukai Yang Dicadangkan</i>	<i>Jumlah Cukai Yang Dikurangkan</i>	
\$		\$	\$	\$	%
1-2,500	4% di atas yang pertama	2,500	125	100	20.0
2,501-5,000	7% di atas yang berikut	2,500	200	175	12.5
5,001-10,000	Di atas yang pertama	5,000	325	275	15.4
	10% di atas yang berikut	5,000	600	500	16.7
10,001-20,000	Di atas yang pertama	10,000	925	775	16.2
	12% di atas yang berikut	10,000	1,500	1,200	20.0
20,001-35,000	Di atas yang pertama	20,000	2,425	1,975	18.6
	17% di atas yang berikut	15,000	3,000	2,550	15.0
35,001-50,000	Di atas yang pertama	35,000	5,425	4,525	16.6
	22% di atas yang berikut	15,000	3,750	3,300	12.0
50,001-70,000	Di atas yang pertama	50,000	9,175	7,825	14.7
	27% di atas yang berikut	20,000	6,000	5,400	10.0
70,001-100,000	Di atas yang pertama	70,000	15,175	13,225	12.8
	32% di atas yang berikut	30,000	10,500	9,600	8.6
melebihi 100,000	Di atas yang pertama	100,000	25,675	22,825	11.1
	35%				

LAMPIRAN III

Kajian semula taksiran berasingan untuk seseorang isteri

Pada masa ini, seseorang isteri (atau tiap-tiap isteri jika lebih dari seorang) yang tinggal bersama dengan suaminya dan menjalankan satu penggajian boleh memilih untuk ditaksir secara berasingan atas pendapatannya. Bagaimanapun taksiran berasingan ini hanya terhad kepada pendapatan isteri daripada penggajian, pencen dan profession sahaja. Pendapatan yang lain seperti sewa, dividen, faedah dan pendapatan perniagaan adalah disatukan dan ditaksir dengan pendapatan suami. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan kaum wanita yang lebih besar di dalam aktiviti ekonomi, adalah dicadangkan supaya taksiran berasingan dibenarkan ke atas semua pendapatan seseorang isteri dari semua punca. Ini adalah termasuk pendapatan sewaan, persaraan, faedah, dividen, perniagaan dan penggajian.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

LAMPIRAN IV

Kajian semula pelepasan cukai

Sebagai langkah untuk menyelaraskan pelepasan cukai untuk anak-anak dan untuk memberi pengiktirafan kepada suri-suri rumah yang secara langsung dan tidak langsung telah menyumbang kepada kebahagiaan keluarga dan pembangunan negara, adalah dicadangkan supaya pelepasan cukai untuk isteri dan anak-anak dipinda seperti berikut:

	Kadar Sekarang (\$)	Kadar Baru (\$)
Pelepasan untuk isteri	2,000	3,000
Pelepasan untuk anak-anak:		
Anak pertama	650	800
Anak kedua	750	800
Anak ketiga	800	800
Anak keempat	800	800
Anak kelima	800	800

Di samping itu, adalah dicadangkan supaya pelepasan cukai untuk anak cacat dinaikkan dari \$400 kepada \$1,000 dan pelepasan cukai tidak lebih dari \$1,000 diberi untuk belanja rawatan perubatan bagi ibu-bapa.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

LAMPIRAN V

Kajian semula pelepasan cukai bagi sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Premium Insurans

Pada masa ini, pelepasan cukai sebanyak \$3,500 diberi kepada pembayar cukai bagi sumbangan kepada KWSP dan premium insurans. Sekiranya seseorang pembayar cukai itu telah beristeri atau bersuami, pelepasan cukai ini dibahagikan di antara kedua-dua mereka dan tertakluk kepada had maksimum \$3,500. Sebagai langkah untuk menyamakan kedudukan seseorang pembayar cukai, iaitu sama ada ia telah berkahwin atau tidak, adalah dicadangkan supaya pelepasan cukai sebanyak \$3,500 bagi sumbangan kepada KWSP dan premium insurans diberi kepada setiap pembayar cukai tidak kira sama ada ianya bujang ataupun berkahwin.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

LAMPIRAN VI

Galakan Elaun Pelaburan Semula

Pada masa ini, Elaun Pelaburan Semula (EPS) sebanyak 40 peratus diberi kepada syarikat-syarikat yang menjalankan projek-projek pembesaran yang melibatkan pertambahan dalam kapasiti pengeluaran. Elaun ini akan tamat tempohnya pada 31 Disember 1990. Pada masa ini, syarikat-syarikat yang menikmati galakan EPS adalah tidak layak untuk mendapat galakan

pengurangan pendapatan larasan sebanyak 5 peratus untuk pematuhan kepada Dasar Ekonomi Baru. Bagi menggalakkan aktiviti pelaburan semula adalah dicadangkan supaya:

- (i) Elaun Pelaburan Semula diberi atas pelaburan semula dalam keluaran-keluaran yang berkait di industri yang sama. Dalam hubungan ini, EPS akan diberi untuk aktiviti-aktiviti pembesaran, pemodenan dan pelbagaian yang dijalankan oleh sesebuah syarikat perkilangan. Bagaimanapun, penggantian alat-ganti mesin tidak akan dipertimbangkan;
- (ii) EPS akan dilanjutkan untuk lima (5) tahun lagi sehingga 31 Disember 1995; dan
- (iii) syarikat yang menerima galakan EPS adalah layak untuk menerima galakan pengurangan pendapatan larasan bagi pematuhan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

LAMPIRAN VII

Galakan kepada pelaburan di luar negeri

Pada masa ini, pelabur-pelabur Malaysia yang melabur di luar negeri tidak mendapat apa-apa galakan, kecuali mereka yang terlibat di dalam industri pembinaan di luar negeri. Usaha-usaha perlulah dibuat untuk menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia melabur di luar negeri terutama sekali dalam bidang di mana kita mempunyai kepakaran, khususnya perkilangan berasaskan sumber dan pertanian. Langkah ini akan menjamin permintaan terhadap komoditi-komoditi utama dan dalam

jangkamasa panjang akan menguntungkan negara dari segi kemasukan pendapatan dividen dari luar negeri. Sebagai langkah untuk mendorong pelabur-pelabur Malaysia untuk melabur di luar negeri adalah dicadangkan:

- (i) pendapatan yang dibawa balik ke Malaysia hasil dari pelaburan luar negeri akan diberi potongan sebanyak 50 peratus. Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang tidak dicukai akan juga dikecualikan dari cukai pendapatan. Galakan ini adalah bagi tempoh lima (5) tahun selepas syarikat beroperasi dan mendapat keuntungan; dan
- (ii) perbelanjaan yang dibuat sebelum perniagaan dimulakan seperti kos penyelidikan pasaran dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1992.

LAMPIRAN VIII

Pengurangan pendapatan larasan kepada operator pelancongan

Pada masa ini, operator pelancongan yang membawa masuk sekurang-kurangnya 500 orang pelancong luar negeri melalui pelancongan secara kumpulan akan diberi potongan pendapatan larasan sepenuhnya daripada perniagaan membawa masuk pelancong luar negeri. Galakan ini akan tamat tempohnya pada 31hb Disember, 1990.

Bagi menggalakkan operator pelancongan menambahkan usaha membawa lebih ramai pelancong asing ke Malaysia, adalah dicadangkan supaya galakan ini diteruskan selama tiga (3) tahun lagi sehingga 31hb Disember, 1993.

LAMPIRAN IX

Galakan potongan dua kali bagi promosi eksport

Pada masa ini, syarikat perkilangan, pertanian dan perniagaan (trading) yang menyertai pameran dagangan antarabangsa di luar negeri adalah layak menikmati galakan potongan dua kali atas perbelanjaan tertentu yang dilakukan. Bagi menggalakkan keluaran tempatan terutamanya dari syarikat kecil dan sederhana menembusi pasaran antarabangsa, adalah dicadangkan supaya syarikat-syarikat tempatan yang menyertai pameran perdagangan yang bertaraf antarabangsa di dalam negeri diberi potongan dua kali atas perbelanjaan tertentu yang dilakukan. Pameran perdagangan dan syarikat yang menyertainya perlulah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian. Jenis-jenis perbelanjaan yang dibenarkan untuk potongan dua kali akan ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Cadangan ini mula berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

LAMPIRAN X

Kajian semula galakan potongan dua kali atas latihan

Sebagai langkah untuk menggalakkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan gunatenaga, adalah dicadangkan supaya galakan yang sedia ada atas potongan dua kali bagi latihan yang diluluskan dikaji semula seperti berikut:

A. Latihan di dalam dan luar syarikat untuk industri perkilangan

Bagi industri perkilangan, skim yang sedia ada untuk latihan di dalam dan di luar syarikat (tempatan dan luar negeri) akan diteruskan tertakluk kepada beberapa perubahan. Galakan semasa hanya diperuntukkan

kepada syarikat-syarikat perkilangan yang mengadakan latihan bagi meningkat dan mewujudkan kemahiran-kemahiran kerja tangan, penyeliaan dan teknikal. Syarikat yang layak hendaklah juga merupakan syarikat-syarikat yang sedang beroperasi. Dengan ini adalah dicadangkan supaya skim ini diperluaskan lagi seperti berikut:

(a) Syarikat-syarikat perkilangan yang sedang beroperasi yang mengadakan program-program latihan yang berkaitan dengan produktiviti dan peningkatan kawalan mutu terhadap keluaran siap syarikat adalah layak dipertimbangkan untuk galakan potongan dua kali.

(b) Pada masa ini syarikat-syarikat perkilangan yang belum beroperasi (syarikat perkilangan baru) adalah tidak layak menikmati galakan ini. Adalah dicadangkan supaya syarikat-syarikat perkilangan baru dipertimbangkan untuk galakan ini sekiranya program-program latihan itu adalah untuk kemahiran-kemahiran kerja tangan, penyeliaan dan teknikal yang akan digunakan secara langsung di dalam proses pengeluaran syarikat kelak.

B. Kelulusan terus bagi latihan di institusi yang diluluskan

(a) Senarai yang sedia ada mengenai institusi-institusi latihan yang diluluskan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC), SIRIM, ITM, MARDI, FRIM dan CIAST untuk syarikat-syarikat perkilangan kecil akan dipanjangkan kepada semua

syarikat-syarikat tanpa mengira saiznya di industri perkilangan dan bukan perkilangan. Jenis-jenis latihan yang dibenarkan akan merangkumi latihan-latihan di bidang pengurusan, teknikal dan kemahiran kerja tangan.

- (b) Memandangkan senarai institusi yang diluluskan akan diperluaskan untuk meliputi keperluan semua industri, maka senarai tersebut akan ditambah dengan institusi-institusi latihan yang lain seperti berikut:

(a) Penang Skills Development Centre (PSDC)

(b) Institut Kemahiran MARA (IKM)

Senarai ini akan dikaji dari semasa ke semasa oleh Perbendaharaan.

- (c) Syarikat-syarikat yang menuntut galakan potongan dua kali dengan menghantar pekerjaanya ke institusi latihan yang diluluskan hanya dibenarkan membuat tuntutan bagi perbelanjaan berpandukan kepada resit yang dikeluarkan oleh institusi yang berkaitan. Perbelanjaan-perbelanjaan lain adalah tidak dibenarkan untuk mendapat potongan dua kali.

C. Galakan latihan kepada orang cacat

Sebagai tambahan kepada galakan di atas, sesebuah syarikat adalah layak untuk potongan dua kali atas perbelanjaan yang dilakukan atas latihan kepada mana-mana orang cacat yang bukan pekerja syarikat berkenaan. Latihan untuk orang-orang ini hendaklah dikendalikan sama ada di dalam syarikat berkenaan atau di mana-mana institusi latihan di Malaysia. Orang-orang cacat tersebut hendaklah diklasifikasikan

sebagai cacat oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan latihan yang dijalankan hendaklah bertujuan untuk memperingkatkan prospek pekerjaan mereka. Perbelanjaan yang dilakukan atas latihan yang dijalankan oleh syarikat akan dipertimbangkan untuk potongan dua kali secara kes demi kes oleh Perbendaharaan.

Cadangan ini mula berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

LAMPIRAN XI

Kajian semula galakan ke atas penyelidikan dan pembangunan

Penyelidikan dan pembangunan adalah penting dalam pembangunan ekonomi negara dan Kerajaan telah menetapkan sebagai matlamat supaya perbelanjaan ke atas penyelidikan dan pembangunan merupakan 2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar dalam tahun 2000. Selaras dengan matlamat ini dan untuk memperingkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan, adalah dicadangkan:

- (i) pengecualian cukai selama lima (5) tahun diberi kepada syarikat-syarikat atau institusi penyelidikan yang diluluskan yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi sesuatu industri tertentu. Dividen yang diterima oleh pemegang saham adalah juga dikecualikan daripada cukai;
- (ii) kerugian terkumpul syarikat atau institusi penyelidikan yang diluluskan boleh dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian;
- (iii) potongan dua kali diberi bagi sumbangan dalam bentuk wang tunai kepada institusi penyelidikan yang diluluskan;
- (iv) potongan dua kali dibenarkan ke atas perbelanjaan yang dilakukan

oleh syarikat-syarikat yang menggunakan kemudahan dan perkhidmatan syarikat atau institusi penyelidikan yang diluluskan; dan

- (v) pengecualian cukai selama lima (5) tahun diberi kepada firma berasaskan teknologi baru.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1992.

LAMPIRAN XII

Galakan potongan dua kali bagi kos penyelenggaraan pejabat jualan di seberang laut untuk menggalakkan pelancongan

Pada masa ini, galakan potongan dua kali diberi kepada sektor pelancongan untuk beberapa kerja-kerja promosi di luar negeri. Untuk menggalakkan lagi operator pelancongan dan pengusaha hotel mengadakan promosi di seberang laut bagi tujuan menggalakkan lebih ramai pelancong asing melawat Malaysia, adalah dicadangkan supaya operator pelancongan dan pengusaha hotel dibenarkan membuat tuntutan potongan dua kali atas perbelanjaan kos penyelenggaraan pejabat-pejabat jualan di seberang laut sama seperti yang dinikmati oleh syarikat perkilangan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

LAMPIRAN XIII

Kajian semula elaun modal bagi motokar-motokar yang digunakan di dalam perniagaan

Pada masa ini, elaun modal yang dibenarkan bagi motokar-motokar yang digunakan di dalam perniagaan ialah \$25,000. Memandangkan elaun modal bagi motokar yang ada sekarang tidak menggambarkan harga motokar di pasaran, adalah dicadangkan elaun ini dinaikkan dari \$25,000 kepada \$50,000.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

LAMPIRAN XIV

Penghapusan duti eksport atas getah dan lada

Untuk mengurangkan beban cukai pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan 70.6% daripada jumlah keluaran getah dan untuk mengurangkan beban cukai atas semua penanam lada dalam negara, adalah dicadangkan supaya duti eksport atas kedua-dua komoditi ini dihapuskan. Adalah diharapkan bahawa penghapusan duti ini akan membantu meningkatkan pendapatan dan seterusnya memperbaiki taraf kehidupan kumpulan orang-orang ini.

LAMPIRAN XV

Penarikan balik skim diskaun getah

Skim diskaun getah mula dilaksanakan pada Januari 1985. Skim ini adalah dalam bentuk diskaun sebanyak 20 sen sekilogram bagi getah yang digunakan untuk mengilang barang-barang bagi tujuan eksport. Skim ini bertujuan untuk meningkatkan penggunaan getah asli tempatan di samping menurunkan kos pengeluaran keluaran siap untuk dieksport.

Adalah didapati bahawa skim ini tidak diperlukan sekarang berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat untuk menilai keberkesanan skim tersebut dan juga selepas mengambilkira pertambahan galakan yang telah diberi kepada industri yang berorientasikan eksport sejak tahun 1985. Pelaksanaan skim ini juga telah menambah beban kepada Kerajaan dari segi pentadbiran dan kewangan dan adalah dianggarkan bahawa lebih dari \$20 juta akan dibelanjakan pada tahun 1990. Skim ini juga bukan merupakan satu galakan tetapi satu subsidi yang diberi secara tidak langsung. Ini mungkin bercanggah dengan amalan perdagangan antarabangsa.

Adalah dicadangkan supaya skim diskaun getah ini ditarik balik mulai 1hb Januari 1991.

LAMPIRAN XVI

Penghapusan duti eksport atas semua galian

Hasil dari duti eksport atas galian adalah kecil. Pada masa dahulu penyumbang utama ialah timah. Walau bagaimanapun, sejak kejatuhan harga timah pada tahun 1985 tiada lagi hasil dari punca ini. Begitu juga tidak banyak hasil dikutip dari duti eksport ke atas galian-galian yang lain. Adalah didapati duti eksport antara 10% dan 15% atas galian-galian ini telah tidak menggalakkan aktiviti carigali dan perlombongan bahan-bahan galian ini. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya duti eksport atas semua galian dihapuskan. Galian-galian ini adalah seperti berikut:

Galian yang dicadang dihapuskan duti eksport atasnya

<i>Kod Tariff HS</i>	<i>Keterangan</i>
2530.90 100	Xenotime
	Iron ores and concentrates, including roasted iron pyrites
	Non-agglomerated
2601.11 100	— (of haematite and concentrates thereof)
2601.11 900	— other than of haematite
	Agglomerated
2601.12 100	— (of haematite and concentrates thereof)
2601.12 900	— other than of haematite
2601.20 000	Roasted iron pyrites
2602.00 000	Manganese ores and concentrates
2603.00 000	Copper ores and concentrates
2604.00 000	Nickel ores and concentrates
2605.00 000	Cobalt ores and concentrates
2606.00 000	Aluminium ores and concentrates (Bauxite)
2607.00 000	Lead ores and concentrates
2608.00 000	Zinc ores and concentrates
2610.00 000	Chromium ores and concentrates

Tungsten ores and concentrates

2611.00 100	— Scheelite ores and concentrates thereof
2611.00 200	— Wolframite ores and concentrates thereof
2611.00 900	— Other than scheelite and wolframite ores and concentrates thereof

Uranium or thorium ores and concentrates

2612.10 000	— Uranium ores and concentrates
	— Thorium ores and concentrates
2612.20 100	monazite and concentrates thereof
2612.20 900	other than monazite ores and concentrates

Molybdenum ores and concentrates

2613.10 000	— Roasted
2613.90 000	— Other than roasted

Titanium ores and concentrates

2614.00 100	Ilmenite and concentrates
2614.00 900	Other than ilmenite and concentrates

Niobium, tantalum, vanadium or zirconium ores and concentrates

	— Zirconium ores and concentrates
2615.10 100	zircon and concentrates
2615.10 900	Other than zircon and concentrates
	— Other than Zirconium ores and concentrates
	Niobium and tantalum ores and concentrates
2615.90 110	columbite and concentrates
2615.90 120	tantalite and concentrates
2615.90 190	other than columbite, tantalite and concentrates
2615.90 200	Vanadium ores and concentrates

Precious metal ores and concentrates

2616.10 000	— Silver ores and concentrates
	— Other than silver ores and concentrates

2616.90 100	gold ores and concentrates
2616.90 200	platinum ores and concentrates
2616.90 900	other than gold and platinum ores and concentrates

Other ores and concentrates

2617.10 000	— Antimony ores and concentrates
	— Other than antimony ores and concentrates
2617.90 100	bismuth ores and concentrates
2617.90 900	other than bismuth ores and concentrates
2805.30 000	Rare-earth metals, scandium and yttrium, whether or not intermixed or interalloyed

LAMPIRAN XVII

Penarikan balik skim rebat timah

Berbeza dengan lain-lain komoditi, duti eksport atas timah dikenakan apabila bijih timah dihantar untuk diproses di salah satu dari dua tempat melebur di Pulau Pinang. Oleh sebab itu harga timah yang dibeli di pasaran tempatan adalah termasuk duti eksport. Untuk mengatasi keadaan ini dan bagi menggalakkan pemerosesan timah tempatan yang lebih banyak untuk dijadikan barangan siap, rebat \$700 setan bagi timah yang digunakan dalam negeri telah diperkenalkan pada tahun 1983. Walau bagaimanapun, dengan penghapusan duti eksport atas timah, rebat ini tidak bermakna lagi dan oleh itu adalah dicadangkan supaya ianya ditarikbalik.

LAMPIRAN XVIII

Penghapusan duti/cukai atas barang-barang tertentu yang diimport ke Labuan

Untuk meletakkan Labuan setaraf dengan Langkawi (memandangkan kedua-duanya adalah pelabuhan bebas)

adalah dicadangkan supaya duti import dan cukai jualan atas minuman keras, barang-barang tembakau dan mancis dihapuskan.

LAMPIRAN XIX

Pengecualian duti eksport atas minyak mentah

Pada masa ini, kadar pengecualian duti eksport yang diberi kepada syarikat-syarikat petroleum adalah berasaskan peratus minyak kos yang dibenarkan di bawah Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PPP) 1976, iaitu 20%. Di bawah PPP baru yang dikuatkuasakan pada 1985, peratusan minyak kos telah dinaikkan daripada maksimum 20 peratus kepada maksimum 50 peratus.

Untuk menggalakkan pembangunan lebih banyak medan-medan minyak adalah dicadangkan syarikat-syarikat petroleum di bawah PPP 1985 diberi pengecualian minyak kos sebenar tidak melebihi 50 peratus mulai 1hb April 1991. Pengumpulan minyak kos melebihi 50 peratus adalah tidak dibenarkan. Kaedah-kaedah perkiraan akan ditentukan oleh Perbendaharaan.

LAMPIRAN XX

Penghapusan duti-duti import atas getah, timah dan lada

Sebagai langkah untuk membangunkan negara sebagai pusat utama bagi memproses dan mengilang barang-barang berasaskan pertanian dan juga meningkatkan pertumbuhan Bursa Komoditi Kuala Lumpur sebagai satu pasaran hadapan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa di rantau ini bagi berbagai komoditi, adalah dicadangkan supaya duti import atas getah, timah dan lada dihapuskan. Ini akan menggalakkan aliran bebas komoditi-komoditi utama ini ke dalam negara.

Kajian ke atas perlindungan tarif

Selaras dengan objektif mengkaji semula perlindungan tarif dari semasa ke semasa, adalah dicadangkan supaya duti import ke atas beberapa barang dikurangkan atau dihapuskan seperti berikut:

BARANG-BARANG YANG DICADANG UNTUK DITURUNKAN ATAU DIHAPUSKAN DUTI IMPORT

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
<i>(a) MESIN KIRA DAN ALAT KOMUNIKASI</i>			
<i>(i) Mesin Kira</i>			
8470.10 900 } 8470.21 900 } 8470.29 900 } 8470.30 900 }	Electronic calculators	30%	NIL
8470.40 000	Accounting machines	30%	NIL
8470.50 000	Cash registers	30%	NIL
8470.90 100 8470.90 900	Postage-franking machines	30%	NIL
8472.20 000 } 8472.30 000 } 8472.90 100 } 8472.90 900 } 8473.21 000 } 8473.29 000 } 8473.40 000 }	Office machines and parts	30%	NIL
<i>(ii) Alat Komunikasi</i>			
8517.20 000	Teleprinters	5%	NIL
8517.82 000	Telegraphic	5%	NIL
8520.20 000	Telephone answering machines	50%	30%

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
<i>(b) KELUARAN YANG TELAH DIBERI PERLINDUNGAN MELEBIHI SEPULUH (10) TAHUN</i>			
<i>(i) Sulaman</i>			
5810.10 000 5810.91 000 5810.92 000 5810.99 000	Embroidery	50%	30%
<i>(ii) Selimut</i>			
6301.20 900 6301.30 900 6301.40 900	Blankets	55% or \$1.32/m ² w.i.t.h.	30% or \$0.72/m ² w.i.t.h.
<i>(iii) Alat-alat Elektrik (Perkakas Rumah)</i>			
8516.60 910	Electric kettles	40%	30%
8516.60 920	Rice cookers	40%	30%
8516.60 930	Other ovens	50%	30%
8516.60 990	Others	50%	30%
8516.71 900	Coffee or tea makers	50%	30%
8516.72 900	Toasters	50%	30%
<i>(iv) Barang-barang Makanan</i>			
1806.20 000 1806.31 100 1806.31 900 1806.32 100 1806.32 900 1806.90 000	Chocolate in blocks, slabs or bars	20% or \$3.00 per/kg w.i.t.h.	15% or \$2.00 per/kg w.i.t.h.
1901.10 300 1901.20 300 1901.90 000	Food preparation containing cocoa powder by weight of less than 10%	20% or \$3.00 per/kg w.i.t.h.	15% or \$2.00 per/kg w.i.t.h.
1904.10 110 1904.10 910 1904.90 100	Prepared foods obtained by the swelling or roasting of cereals or cereal products containing less than 8% by weight of cocoa powder or coated with chocolate	20% or \$3.00 per/kg w.i.t.h.	15% or \$2.00 per/kg w.i.t.h.

<i>Kod Tariff HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
2104.10 910 2104.10 920 2104.10 930 2104.10 990	Soups and broths	30%	20%
2104.20 910 2104.20 920 2104.20 930 2104.20 990	Homogenised composite food preparations	30%	20%

(c) *PERABUT*

9401.10 000	Seats for aircraft	40%	30%
9401.20 000	Seats for motor-vehicles	40%	30%
9401.30 000	Swivel seats	40%	30%
9401.40 000	Seats which are convertible to beds	40%	30%
9401.50 000	Seats of cane osier, bamboo or similar materials	40%	30%
9401.61 000 9401.69 000	} Other seats with wooden frames	40%	30%
9401.80 190 9401.80 900 9401.90 000	} Other seats of a kind used in parks, gardens or vestibules and others and parts	40%	30%
9403.10 000 9403.20 900	} Metal furniture	40%	30%
9403.30 000 9403.40 000 9403.50 000 9403.60 900	} Wooden furniture of a kind used in offices, kitchen, bedroom and others	40%	30%
9403.70 100 9403.70 900	Furniture of plastics used in offices and others	40%	30%
9403.80 190 9403.80 990 9403.90 900	} Furniture of other materials and parts	40%	30%

<i>Kod Tariff HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
<i>(d) KELUARAN -KELUARAN LAIN</i>			
<i>(i) Keluaran Getah</i>			
40.11	New Pneumatic tyres for:		
4011.10 000 } 4011.20 000 }	Motorcars, buses and lorries	50% or \$8.00 per kg. w.i.t.h.	30% or \$4.80 per kg. w.i.t.h.
4011.40 000	Motorcycles	55% or \$6.60 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.60 per kg. w.i.t.h.
4011.50 000	Bicycles	55% or \$5.50 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4011.91 110	Tractors	55% or \$5.50 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4011.91 120	Tractors	50% or \$5.00 per kg. w.i.t.h.	30% or \$2.70 per kg. w.i.t.h.
4011.99 110	Others	55% or \$5.50 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4011.99 120	Others	50% or \$5.00 per kg. w.i.t.h.	30% or \$2.70 per kg. w.i.t.h.
4012.10	Retreaded tyres for:		
4012.10 100 } 4012.10 200 }	Motorcars, buses and lorries	55% or \$8.80 per kg. w.i.t.h.	30% or \$4.80 per kg. w.i.t.h.
4012.10 400	Motor cycles	55% or \$6.60 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.60 per kg. w.i.t.h.
4012.10 500	Bicycles	55% or \$5.50 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4012.10 610	Tractors	55% or \$5.50 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4012.10 620	Tractors	50% or \$5.00 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4012.20	Used pneumatic tyres for:		
4012.20 100 } 4012.20 200 }	Motorcars, buses and lorries	55% or \$8.80 per kg. w.i.t.h.	30% or \$4.80 per kg. w.i.t.h.

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
4012.20 400	Motor cycles	55% or \$6.60 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.60 per kg. w.i.t.h.
4012.20 500	Bicycles	55% or \$5.50 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4012.20 610	Tractors	55% or \$5.50 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4012.20 620	Tractors	50% or \$5.00 per kg. w.i.t.h.	30% or \$3.00 per kg. w.i.t.h.
4012.90 110	Solid tyres	50% or \$2.00 per kg. w.i.t.h.	30% or \$1.20 per kg. w.i.t.h.
4012.90 120	Solid tyres	55% or \$2.20 per kg. w.i.t.h.	30% or \$1.20 per kg. w.i.t.h.
4012.90 139	Solid tyres	50% or \$2.00 per kg. w.i.t.h.	30% or \$1.20 per kg. w.i.t.h.
4010.10 000	Conveyor or transmission belts or belting	50% or \$4.20 per kg. w.i.t.h.	30% or \$2.50 per kg. w.i.t.h.
4014.90 100	Teats and soothers	55% or 11 sen per kg. w.i.t.h.	30% or 6 sen per kg. w.i.t.h.
(ii) <i>Alat-alat Solek</i>			
3304.91 100	Talcum powder	50%	30%
3304.91 200	Face powder	50%	30%
3305.20 000 3305.30 000 3305.90 100 3305.90 400 3305.90 900	Preparations for use on the hair	50%	30%
3307.10 000	Shaving preparations	55%	Nil
(iii) <i>Makanan Haiwan</i>			
2304.00 000	Oil-cake and other solid residues of soya-bean oil	13%	10%
(iv) <i>Barangan</i>			
1801.00 000	Cocoa beans, whole or broken, raw or roasted	30%	15%

APPENDIX XXII

Mengkaji semula duti eksais atas rokok, bir dan stout

Bagi tujuan tidak menggalakkan penggunaan rokok dan minuman keras, adalah dicadangkan supaya duti eksais ke atas barang-barang ini dinaikkan seperti berikut:

	<i>Kadar sekarang</i>	<i>Kadar dicadangkan</i>
(i) rokok termasuk kertas dan filter tips	\$9 sekg	\$13 sekg
(ii) <i>Beer dan ale</i>		
—Tidak melebihi 10° proof spirit	\$20 sedekaliter	\$25 sedekaliter
—Lain-lain	\$21 sedekaliter	\$26 sedekaliter
(iii) <i>Stout dan porter</i>		
—Tidak melebihi 10° proof spirit	\$20 sedekaliter	\$25 sedekaliter
—Lain-lain	\$21 sedekaliter	\$26 sedekaliter

LAMPIRAN XXIII

Lanjutan tempoh bercukai di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975

Untuk menyenangkan pungutan dan pembayaran cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah dicadangkan supaya tempoh bercukai untuk cukai-cukai ini dilanjutkan dari sebulan kalender sekarang kepada dua bulan kalendar. Lanjutan ini akan memberi faedah kepada Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja dan pelesen-pelesen cukai-cukai ini kerana cukai-cukai tersebut sekarang akan dibayar sekali setiap dua bulan dan bukannya sebulan sekali seperti diamalkan sekarang.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1991.